

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Sabah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Dilantik).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN TAHIR, S.M.T., B.C.K., P.J.K. (Kedah).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ Tuan Abdullah bin Salleh (Perlis).
- „ TUAN V.V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y.L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ TUAN DAIM BIN ZAINUDDIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ DATO' HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).
- „ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

- Yang Berhormat DATO SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P.,
D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P.
(Perak).
- „ TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ DATO' HAJI ISMAIL BIN HASSAN, D.P.M.J., P.I.S. (Johor).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN SYED KAMARULZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD,
K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- „ DATO HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, D.S.D.K., K.M.N.,
S.D.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P.
(Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI
MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE, (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA
(Dilantik).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K.
(Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M.,
P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MOHD. NOR MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T.,
S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N.,
J.P., (Dilantik).
- „ TUAN M. MUTHU PALANIAPPAN, A.M.N., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P.
(Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M.
(Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).

- Yang Berhormat DATO' G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S.,
B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN ROGAYAH ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K., (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N., P.K.T.
(Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S.,
D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. SUBRAMANIAM, (Dilantik).
- „ DATO SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N.,
B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA @ TING MING HOI (Sarawak).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN HAJI YAACOB BIN HAJI ENGKU YUNUS, P.P.N. (Kelantan).
- „ TUAN YAP PENG @ YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Khamis, 8hb Januari, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Puan Hasnah *alias* Hasanah Fatimah binti Haji Mohd. Kasim.

PENGUMUMAN YANG
DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli yang baru dipilih itu dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

TELEFON-PERKHIDMATAN
SAMBUNG JAUH
TERUS DAIL (STD)

1. **Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kementerian beliau bercadang menyediakan alat panggilan terus (STD) di Sabah/Sarawak untuk menghubungi negeri-negeri Brunei, Singapura, Hong Kong dan Indonesia.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Iroke): Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Yang Berhormat Senator sedia maklum baru-baru ini mulai daripada 31hb Ogos, 1980 perkhidmatan Sambungjauh Terus Dail (STD) telah dilancarkan di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak oleh Perdana Menteri kita.

Rangkaian-rangkaian (network) telefon di negeri Sabah dan Sarawak sedang dikemaskinikan supaya perkhidmatan STD national dapat disempurnakan dengan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, Kementerian saya menerusi Jabatan Telekom sedang juga meninjau kemungkinan untuk meluaskan lagi perkhidmatan terus dail ke negara-negara jiran kita terutama sekali negara-negara ASEAN.

TUDM-KEMALANGAN
JET TEBUAN

2. **Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah beliau sedar dan tahu sebab-sebab mengapa kemalangan jet Tebuan TUDM berlaku hampir tiap-tiap tahun pada kebelakangan ini dan jika ya, adakah pihak Kementerian bercadang untuk menghentikan penggunaan jet-jet jenis ini dan menggantikan dengan jet-jet yang lebih selamat.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar dan tahu sebab-sebab kemalangan jet-jet Tebuan yang berlaku dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Dari data dan maklumat yang diperolehi hasil dari penyiasatan bersabit dengan kemalangan-kemalangan tersebut, nyatalah bahawa hampir kesemua kemalangan tersebut adalah berpunca dari kesilapan juruterbang-juruterbang itu sendiri.

Walaupun beberapa kemalangan telah berlaku, Kementerian saya berpendapat bahawa jet-jet Tebuan masih selamat digunakan bagi latihan penerbangan kerana rancangan baikpulih TUDM untuk pesawat ini adalah mencukupi dan memuaskan. Di samping itu, setakat ini Kementerian saya tidaklah boleh memberhentikan keseluruhan perkhidmatan jet-jet Tebuan ini kerana ini akan menjejaskan rancangan latihan juruterbang-juruterbang TUDM.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Daripada jawapan itu nampaknya kemalangan-kemalangan itu adalah kesilapan daripada juruterbang-juruterbang itu sendiri. Tetapi adakah benar sebagaimana yang dilaporkan mengatakan kesilapan-kesilapan itu bukannya terletak kepada juruterbang-juruterbang tetapi adalah terletak kepada jet-jet Tebuan itu sendiri dengan sebab kapalterbang ini adalah kapalterbang yang tidak boleh digunakan, yang merbahaya. Jadi juruterbang-juruterbang yang menjalankan kapalterbang-kapalterbang itu telah memisikokan diri masing-masing sehingga jatuh, kalau tidak masakan tiap-tiap tahun berlaku kemalangan seumpamanya itu.

Kedua, baru-baru ini pihak Kementerian akan membeli kapalterbang-kapalterbang Skyhawk. Jadi adakah dengan pembelian Skyhawk ini kerana hendak menggantikan jet-jet Tebuan itu ataupun sebagai tambahan sahaja, jet-jet Tebuan yang ada itu akan masih digunakan terus dan Skyhawk itu akan ditambah sebagai membanyakkannya.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebelum sesebuah kapalterbang itu digunakan sama ada untuk operasi ataupun latihan, ianya adalah sentiasa disiasat serta diuji. Selepas ianya diberi kelulusan dan memuaskan standard-standard yang diperlukan barulah sebuah kapalterbang itu dibenarkan untuk dipergunakan.

Jadi, bagi memperkatakan bahawa kemalangan-kemalangan ini adalah disebabkan kesilapan ataupun kerosakan enjin dan sebagainya adalah tidak benar oleh kerana siasatan dan ujian telah dibuat terlebih dahulu.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat yang kedua, iaitu kapalterbang Skyhawk, ianya akan dibeli untuk tujuan operasi dan juga untuk menambah bilangan kapalterbang-kapalterbang yang boleh digunakan bagi latihan.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama berapa buah kemalangan Jet Tebuan TUDM sejak tahun 1979-80 telah berlaku dan yang kedua, berapa perajurit kita telah terkorban kerananya. Yang ketiga saya suka bertanya seorang perajurit yang telah terkorban dalam kemalangan yang semacam itu berapa wang saguhati diberi kepada warisnya?

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kemalangan yang berlaku dalam tahun 1979 adalah 3 dan kemalangan yang berlaku dalam tahun 1980 adalah 1 sahaja. Mereka ini akan diberi compensation mengikut peraturan dalam Akta Angkatan Tentera.

ANGKATAN BELIA ISLAM MALAYSIA (ABIM)—KEGIATAN

3. **Tuan Haji Mohd. Azlan Kinjawan** minta Menteri Hal Ehwal dalam Negeri menerangkan apakah kegiatan dan dari negeri mana 30 buah pertubuhan luar negeri yang mempunyai hubungan dengan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan adakah kegiatan-kegiatan mereka mengancam pelaburan asing di negara ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, ABIM adalah salah sebuah daripada pertubuhan-pertubuhan belia yang banyak di negara ini yang turut memperjuangkan cita-cita Islam. Oleh kerana tujuan kelima dari 6 tujuan ABIM ialah mewakili belia-belie Islam di persidangan-persidangan dalam dan luar negeri maka dalam menjayakan tujuan ini ia telah berhubung dengan 24 buah pertubuhan di luar negeri.

Negara-negara yang mempunyai pertubuhan yang ada hubungan dengan ABIM ialah Britain, Indonesia, Fiji, Australia, Pakistan, Sri Lanka, Thailand, Singapura, Filipina, Korea Selatan, Jepun, India, Hongkong, Brunei, Bangladesh, Amerika Syarikat, Canada, Arab Saudi, Kuwait dan Taiwan. Oleh kerana pertubuhan-pertubuhan yang berhubungan dengan ABIM tidak dianggotai oleh pelabur-pelabur maka hubungan mereka tidaklah mengancam pelaburan asing.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh sebab ABIM ini sekarang menjadi satu soalan juga kepada negara kita ini, mahu tidak mahu kita terpaksa fikirkan bersama dan mahu tidak mahu kita telah akui sekarang mengikut Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bahawa ABIM telah membuat perhubungan dengan 24 buah negeri dalam dunia ini. Saya suka bertanya sebagai sebuah pertubuhan dalam negeri kita yang boleh menjalin perhubungan dengan 24 buah negara, saya rasa patutlah Dewan ini diberitahu sehingga sekarang ini ABIM mempunyai berapa ramai ahli mengikut pendaftaran negara kita.

Yang kedua, apakah tindak-tanduknya yang sebenar dan tujuan yang pertama ABIM. Tadi diberitahu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tujuan yang kelima, saya hendak tahu yang pertama.

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, bukan 24 negara yang mempunyai pertubuhan yang ada hubungan dengan ABIM tetapi 24 buah pertubuhan, setengah negara mempunyai 2-3 pertubuhan yang ada hubungan dengan ABIM.

Mengenai jumlah ahli, saya memerlukan notis dan tujuan pertama ABIM ditubuhkan ialah untuk menegakkan, mengembang dan memperjuangkan cita-cita Islamiah sesuai dengan ajaran Al-Quranulkarim dan sunnah Rasulullah (s.a.w.)

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini ABIM ada membuat perhubungan dengan pertubuhan luar

sebagaimana yang kita ketahui tetapi kita tidak tahu sejauh mana kegiatan ABIM ini merbahaya hubungannya dengan pertubuhan luar dan kalau sekiranya merbahaya ABIM membuat perhubungan dengan pertubuhan luar mengapa ABIM tidak diharamkan?

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mempunyai jentera yang cukup untuk mengesan jika ada pertubuhan-pertubuhan di dalam negara ini membuat perhubungan dengan mana-mana pihak sehingga menyebabkan ada ancaman kepada keselamatan negara. Pada hari ini pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tidak mempunyai bukti bahawa perhubungan ABIM ini menjadi ancaman kepada keselamatan negara.

PETRONAS MENUBUHKAN 'MARINE UNIT'

4. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Perdana Menteri menyatakan samada Petronas bercadang mengadakan Marine Yunit untuk mengawasi telaga-telaga minyak di Trengganu, Sabah dan Sarawak.

Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Petronas belum lagi ada cadangan menubuhkan sebuah 'marine unit' untuk mengawasi telaga-telaga minyaknya. Walau bagaimanapun Petronas sentiasa menambahkan kemampuannya supaya semua operasi-operasi minyak dapat dikawal dengan baik. Di samping itu, pihak Tentera Laut Di Raja Malaysia, Polis dan Kastam juga ditugaskan membantu Petronas dalam hal ini:

Antara langkah-langkah yang diambil oleh Petronas untuk mengawal operasi-operasi minyaknya adalah sebagai berikut:

- (1) Menempatkan secara tetap jurutera-jurutera (engineers) di tempat-tempat mencarigali (drilling sites) untuk mengawasi kerja-kerja pengeluaran minyak.
- (2) Melatih lagi pegawai-pegawai yang ada untuk mendapat kemahiran di dalam perkara-perkara enforcement.

- (3) Mendapat perkhidmatan pakar-pakar dari luar negeri untuk memeriksa perjalanan meter-meter yang mengukur pengeluaran minyak dan lain-lain kelengkapan dari semasa ke semasa.
- (4) Melengkapkan lagi Bahagian Pemeriksaan (Inspection Unit) dengan menggunakan kelengkapan-kelengkapan yang lebih moden lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Alexander Lee.

Tuan Oh Siew Aun: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 5.

BAS-BAS SEKOLAH

5. Tuan Oh Siew Aun (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Menteri Pengangkutan menyatakan samada menjadi satu peraturan dalam pelesenan bas-bas sekolah bahawa tiap-tiap murid diberi tempat duduk dan apakah peraturan-peraturan lain yang dikenakan untuk menjaga keselamatan murid-murid sekolah serta langkah-langkah yang diambil untuk menguatkuasakan peraturan-peraturan ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, bas-bas sekolah yang dibenarkan sekarang ini adalah disyaratkan mengangkut kanak-kanak sekolah tanpa membawa penumpang-penumpang berdiri. Di mana keperluannya ada bas-bas sekolah ini dikehendaki mempunyai seorang kondakter untuk menjaga keselamatan kanak-kanak sekolah di dalam perjalanan pergi balik dari sekolah.

Bas-bas sekolah yang dilesenkan seperti juga kenderaan perkhidmatan awam yang lain dikehendaki diperiksa tiap-tiap enam bulan. Hanya bas-bas sekolah yang didapati selamat digunakan dibenarkan dilesen.

Jabatan Pengangkutan Jalan dan pihak polis sentiasa menjalankan pemeriksaan mengejut di atas jalan dari satu masa ke satu masa ke atas bas-bas sekolah, supaya pemegang lesen dan pemandu bas-bas sekolah patuh kepada kaedah-kaedah yang terdapat di dalam undang-undang lalulintas.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Pengangkutan, di negeri Trengganu khasnya hingga masa ini terdapat kekurangan bas-bas, jadi bas-bas sekolah yang digunakan untuk mengangkut murid-murid telah digunakan untuk mengangkut penumpang-penumpang yang lain. Saya ingin bertanya kepada Kementerian, hingga bilakah langkah ini akan berjalan iaitu bas-bas sekolah ini digunakan bagi pengangkutan orang ramai dan bilakah bas-bas untuk orang ramai itu akan dipenuhi kehajatan mereka itu supaya tidak payah lagi menggunakan bas-bas sekolah itu. Dan kalau sekiranya digunakan bas-bas sekolah ini, tidakkah ini bererti memberi peluang kepada pihak taukehtaukeh bas itu dan memberi peluang juga kepada taukehtaukeh bas yang lain supaya melambatlambatkan pemberian bas yang sebenar dengan sebab kemurahan hati pihak Kementerian Pengangkutan membenarkan bas-bas sekolah ini digunakan bagi kepentingan orang ramai?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, bas-bas sekolah boleh dilesenkan secara sementara mengangkut penumpang-penumpang yang lain selain daripada murid-murid sekolah. Ini diluluskan atas beberapa syarat yang tertentu dan bergantung kepada kehendak-kehendak yang tertentu. Misalnya kalau ada satu pesta pertanian dan bas-bas biasa dianggap tidak mencukupi, bas-bas sekolah boleh dilesenkan tetapi cuma untuk tujuan tersebut.

PETRONAS MEMBIAYAI RANCANGAN KERAJAAN

6. Dr Choo Kooi Fook minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bersetuju untuk mengarahkan Petronas sebagai sebuah Syarikat Nasional, mengembalikan keuntungannya kepada Perbendaharaan untuk membiayai rancangan-rancangan Kerajaan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Petronas telah ditubuhkan dalam tahun 1974 di bawah Akta Kemajuan Petroliaam, 1974, sebagai sebuah perbadanan yang bertanggungjawab untuk mencarigali dan mengeksplot petroliaam sama ada di pantai

atau di luar pantai. Perbadanan ini menjalankan aktiviti sebagai sebuah syarikat mengikut Akta Syarikat 1965 dan ianya ialah sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan, di mana 100% sahamnya dipegang oleh Menteri Kewangan (Incorporated).

Mengikut Akta Kemajuan Petroliaam 1974, Petronas adalah diletakkan di bawah kawalan Perdana Menteri yang bertanggungjawab menentukan dasar dan membuat arahan dan peraturan berhubung dengan perjalanan perbadanan ini dan pelaksanaan aktiviti-aktivitinya. Sebuah Majlis Penasihat Petroliaam Negara telah diadakan untuk menasihati Perdana Menteri mengenai dasar, kepentingan dan perkara-perkara yang berhubung dengan petroliaam, perusahaan petroliaam, sumber-sumber tenaga dan kegunaannya. Kerajaan berpendapat bahawa Petronas perlu bergerak sebagai syarikat kerana perusahaan petroliaam adalah suatu perusahaan yang complex yang perlu dikelolakan secara perniagaan atau commercial. Perbadanan ini memulakan operasinya dalam tahun 1976 dengan peruntukan M\$10 juta oleh Kerajaan sebagai modal saham biasa. Selepas itu Petronas membiayai segala operasi dan aktiviti-aktivitinya sendiri dengan menggunakan pendapatan daripada pengeluaran minyaknya. Sebagai sebuah perbadanan yang bertaraf syarikat ianya perlu bergerak dengan kemampuan kewangannya sendiri.

Kerajaan Persekutuan mendapat pendapatan daripada hasil pengeluaran petroliaam negara oleh Petronas dalam bentuk cukai pendapatan, cukai eksport dan royalti. Sementara keuntungan (profits) yang diperolehi daripada hasil pengeluaran petroliaam itu adalah disimpan oleh Petronas. Penggunaan keuntungan pendapatan ini adalah sentiasa dikawal oleh Kerajaan.

Adalah difikirkan perlu bagi Petronas terus memegang segala keuntungan yang diperolehinya kerana wang itu perlu dilaburkan dalam berbagai projek sebagai rancangan perkembangannya. Pada masa ini Petronas mempunyai simpanan (reserves) sebanyak M\$4,000 juta. Sebahagian besar

daripada simpanan itu adalah disimpan dalam bank-bank tempatan dan ianya boleh disalurkan untuk tujuan pembangunan melalui pembelian jaminan-jaminan Kerajaan (bonds and securities) atau melalui lain-lain urusan yang dibuat oleh Bank Negara. Perbelanjaan projek-projek yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Petronas adalah juga dikenakan kepada simpanan ini dan projek-projek itu dianggarkan menelan belanja sebanyak M\$7,000 juta. Antara projek-projeknya termasuklah membiayai pegangan-pegangan equiti Petronas dalam Syarikat LNG, projek Ammonia dan Urea di Bintulu dan Aceh, dan projek Carigali-British Petroliaam. Simpanan itu juga digunakan untuk membiayai aktiviti-aktiviti mencarigali minyak dan mengadakan kemudahan-kemudahan dan perlengkapan seperti stesyen-stesyen "skid-tanks", depoh-depoh minyak, makmal, kilang penapis minyak, saluran-saluran minyak, loji memproses gas dan kemudahan-kemudahan penyelidikan.

Dengan yang demikian, Kerajaan tidaklah bercadang untuk mengambil keuntungan yang diperolehi oleh Petronas. Sungguhpun demikian, tidaklah bermakna bahawa Kerajaan tidak menggunakan langsung pendapatan daripada petroliaam untuk rancangan-rancangannya. Umpamanya, pendapatan yang diperolehi melalui cukai-cukai dan royalti telah pun digunakan untuk rancangan-rancangan pembangunan negara bagi faedah keseluruhan rakyat.

Dr Choo Kooi Fook: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kemungkinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercadang hendak meletakkan Petronas ini di bawah Kementerian Perusahaan Utama pada satu masa akan datang. Kedua, sekiranya meletakkan Petronas ini di bawah Kementerian itu, apakah "advantages" atau sebaliknya.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, mengikut kedudukannya yang ada sekarang dari segi undang-undang Akta Kemajuan Petroliaam 1974, Petronas adalah diletakkan seperti yang saya telah terangkan di bawah kawalan Perdana Menteri sendiri.

JAWATAN TETAP PEKERJA LEBUHRAYA TIMUR—BARAT

7. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan jumlah pekerja-pekerja Lebuhraya Timur—Barat dan sebab-sebab pekerja-pekerja itu tidak diserapkan ke dalam jawatan tetap ini.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Clarence E. Mansul): Tuan Yang di-Pertua, jumlah kakitangan yang berkhidmat di Projek Lebuhraya Timur—Barat di Grik, Perak dan Jali, Kelantan bagi Kumpulan 'A' hingga 'D' ialah seramai 983 orang. Seramai 827 orang atau 84% dari jumlah tersebut adalah terdiri daripada kakitangan-kakitangan dalam Kumpulan Rendah dan Buruh Kasar.

Sesuai dengan peruntukan surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10/79, seramai 482 orang kakitangan rendah dan buruh kasar yang dilantik sebelum 1-7-77 dan telah berkhidmat tidak kurang dari 3 tahun pada tarikh tersebut telah dipertimbangkan untuk diserapkan ke jawatan tetap. Ada kakitangan tersebut telah tidak diserapkan oleh kerana mereka telah tidak memenuhi syarat yang ditetapkan di bawah Surat Pekeliling tersebut atau rekod perkhidmatannya tidak memuaskan.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu jika sudah diserapkan seseorang itu menjadi pekerja yang tetap, bolehkah Pengarah Jabatan itu bertindak membuangnya? Jika tidak boleh, kalau sudah berlaku, apakah tindakan yang akan dibuat oleh pihak yang berkenaan.

Datuk Clarence E. Mansul: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap seorang kakitangan yang telah dilantik sebagai kakitangan yang tetap kakitangan itu adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang tertentu dalam perkhidmatan awam.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Husain: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada khabar-khabar angin yang mengatakan

moral-moral pekerja di Lebuhraya Timur—Barat ini sangat merosot dan kadangkala tidak boleh dikawali. Jadi, sebab itulah setengah-setengah pekerjaan terlewat sehingga hari ini. Apakah benar khabar-khabar angin ini dan jikalau tidak benar mengapakah rancangan Lebuhraya ini terlampau lambat kejayaannya.

Datuk Clarence E. Mansul: Tuan Yang di-Pertua, saya menafikan sekali-kali khabar-khabar angin yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu bahawa pekerja-pekerja di Lebuhraya Timur—Barat ini telah merosot moralnya.

Tuan Yang di-Pertua, kelambatan pembinaan Lebuhraya Timur—Barat itu adalah disebabkan oleh sebab-sebab yang lain dan bukanlah semata-mata moral seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu.

AGAMA HINDU

8. Tuan K. Kumaran minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Agama Hindu akan diajar sebagai suatu mata-pelajaran moral dan etika bagi murid-murid bukan Islam di negara ini, dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan Laporan Jawatankuasa Kabinet, Kementerian Pelajaran sedang menyiapkan kurikulum moral dan etika selain daripada Pelajaran Agama Islam diwajibkan kepada semua pelajar-pelajar Islam. Kurikulum moral dan etika ini adalah untuk pelajar-pelajar yang bukan Islam.

Perlu ditegaskan di sini bahawa mata-pelajaran moral dan etika bukanlah merupakan saluran pendidikan khas sesuatu agama sungguhpun banyak daripada apa yang dipelajari datangnya dari ajaran-ajaran dan prinsip-prinsip yang diterima, disebar dan disanjung tinggi oleh agama-agama yang terkemuka di dunia.

Matapelajaran moral dan etika telah diubah selepas diambil kira pendapat dan pandangan-pandangan dari pemimpin-pemimpin agama yang terbesar di negara ini. Pendek kata sungguhpun pendidikan agama-agama lain seperti agama Hindu, Kristian dan

lain-lain tidak dimasukkan ke dalam kurikulum sekolah tetapi unsur kebenaran, norma-norma yang bercorak sejagat dalam bidang tingkah laku, perhubungan di antara satu dengan lain dan pertuturan yang terdapat di dalam ajaran-ajaran agama-agama tersebut adalah dijadikan teras bagi matapelajaran moral dan etika itu.

RTM—ALATAN MODEN KEPADA STUDIO

9. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Penerangan menyatakan jumlah wang yang telah dibelanjakan untuk projek pengubahsuaian dan memperlengkapkan RTM dengan alatan moden di kesemua studio-studio dan nyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengeluarkan lebih banyak lagi rancangan terbitan tempatan yang bermutu.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato Haji Embong bin Yahya): Tuan Yang di-Pertua, saya percaya maksud bahagian pertama soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah mengenai perbelanjaan projek pembangunan RTM kerana studio-studio adalah hanya sebahagian daripada komponen sistem penyiaran jabatan tersebut.

Dalam tahun 1979, RTM telah membelanjakan kira-kira \$12.5 juta dan dalam tahun 1980 pula adalah dianggarkan kira-kira \$25 juta lagi telah diuntukkan kepada RTM bagi projek-projek pembangunan tersebut yang termasuk usaha-usaha mengubah suai dan memperlengkapkan studio-studio di RTM.

Mengenai bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat itu sukalah saya maklumkan bahawa Kerajaan berusaha untuk mengeluarkan lebih banyak lagi rancangan-rancangan terbitan yang bermutu.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim.

Tuan Abdullah bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 10.

KEM REJIMEN ASKAR WATANIAH

10. Tuan Abdullah bin Salleh (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pertahanan menyatakan kemajuan yang dicapai dalam pembinaan kem bagi menempatkan anggota-anggota pasukan di negeri Perlis.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, di Negeri Perlis ada dua tempat di mana pembinaan kem sedang pesat dijalankan, iaitu di Bukit Ketri dan di Mata Air. Di Bukit Ketri, satu kem untuk Markas Rejimen Askar Wataniah dan satu batalion Rejimen Askar Wataniah adalah dalam peringkat pertama pembinaan dan dijangka siap dalam awal tahun hadapan. Peringkat kedua untuk membesarkan lagi kem itu akan dijalankan selanjutnya apabila tanah seluas 25 ekar yang berhampiran tempat tersebut diperolehi.

Di Mata Air, satu kem besar di atas tapak seluas 489 ekar sedang dalam peringkat awal pembinaan. Kem besar ini ialah untuk beberapa pasukan termasuk satu Markas Briged serta pasukan-pasukan organiknya, satu batalion infantri tetap dan satu batalion infantri tanpa kerah. Kem untuk batalion infantri tetap dan batalion tanpa kerah dijangka siap pada penghujung tahun 1981. Yang lain-lain lagi akan dapat dibuat melalui "Sistem Pelaksanaan Yang Dipercepatkan" (Accelerated Implementation System) dan dijangka siap dalam masa 2 ke 3 tahun daripada tarikh mula kerja. Kem-kem ini akan juga dilengkapi dengan rumah-rumah untuk keluarga dan juga kemudahan-kemudahan lain termasuk madrasah-madrasah.

KENDERAAN LAMA DI JALANRAYA

11. Tuan Abdullah bin Salleh minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa lori-lori, bas-bas dan kereta-kereta teksi yang sudah lama didapati masih dibenar menjalankan perniagaan dan jika sedar tidakkah perkara ini akan membahayakan keselamatan penumpang-penumpang dan berapa tahun lamanya sesebuah lori, bas dan teksi boleh digunakan.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kenderaan-kenderaan lama boleh berjalan di atas jalanraya sekiranya mereka disahkan sebagai "road worthy" oleh Jabatan Pengangkutan Jalan. Pemeriksaan untuk menentukan "road worthiness" kenderaan tersebut dijalankan tiap-tiap 6 bulan. Walau bagaimanapun, sejak 1hb Januari, 1979, umur sesebuah kenderaan perkhidmatan awam iaitu bas biasa (stage bus) dihadkan kegunaannya tidak melebihi 12 tahun.

KENDERAAN KEPADA PEGAWAI AKADEMIK UNIVERSITI

12. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Perdana Menteri menerangkan sebab-sebab Pegawai-pegawai Akademik di kelima-lima buah Universiti tidak diberi kenderaan walaupun mereka ini sama taraf dengan Pegawai Kerajaan Kategori A6 yang dapat peruntukan kenderaan.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, kemudahan kereta percuma diberi kepada pegawai-pegawai di peringkat Tingkatan Tertinggi "C" ke atas yang berada dalam tanggagaji A6 ke atas ialah kerana mereka itu terdiri daripada ketua-ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-ketua Jabatan ataupun Ketua-ketua Bahagian yang penting dalam agensi-agensi pusat. Tugas-tugas dan tanggungjawab pegawai-pegawai tersebut memerlukan peruntukan pengangkutan khas bagi melicinkan tugas mereka dan ianya tidak dapat disamakan dengan tugas dan tanggungjawab pegawai-pegawai akademik di universiti.

Walaupun bagaimanapun, pegawai-pegawai akademik di universiti yang berada di tanggagaji A6 ke atas juga layak diberi kemudahan ini jika mereka memegang jawatan Timbalan Naib Canselor, Dekan, Timbalan Dekan atau Ketua Jabatan yakni jawatan-jawatan yang bersifat pentadbiran. Kemudahan pengangkutan diberi adalah juga berdasarkan kepada keperluan untuk menjalankan tugas pegawai-pegawai berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah.

Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan ke 13.

TENTERA MERAH JEPUN

13. Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun (*di bawah S.O.23 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada benar atau tidak kemungkinan serangan Tentera Merah Jepun ke negara ini dan nyatakan langkah-langkah kawalan yang diadakan di pintu masuk ke negara ini dan adakah pertambahan kawalan diadakan di seluruh negara.

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian tidak menerima sebarang maklumat yang mendedahkan Tentera Merah Jepun ada rancangan untuk melancarkan keganasan di negara ini. Walaupun tidak terdapat maklumat mengenai rancangan Tentera Merah Jepun melakukan keganasan di negara ini, Kerajaan sentiasa berwaspada mengawal kemasukan orang-orang asing ke negara ini.

LEMBAGA PERPADUAN NEGARA

14. Dr Choo Kooi Fook minta Perdana Menteri menyatakan mengapa beliau tidak melantik seorang Menteri untuk Lembaga Perpaduan Negara.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Lembaga Perpaduan Negara atau sekarang dikenali dengan nama Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara adalah merupakan satu bahagian atau Jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah bertanggungjawab ke atas Jabatan Perdana Menteri keseluruhannya termasuk juga Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara. Di samping itu 2 orang Menteri Kabinet dan seorang Timbalan Menteri adalah juga ditempatkan di Jabatan Perdana Menteri khusus bagi membantu Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri menjalankan tugas dan tanggungjawab mengenai perkara-perkara yang terletak di bawah pengawasan Jabatan Perdana Menteri dan perkara-perkara yang berhubung dengan perpaduan negara adalah di bawah pengawasan dan tanggungjawab saya. Oleh yang demikian, masalah menempatkan seorang Menteri bagi Lembaga Perpaduan Negara tidak berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan S. I. Rajah.

Tuan Haji Mohd. Azlan Kinjawan: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 15.

PERANCANGAN KELUARGA

15. Tuan Haji Mohd. Azlan Kinjawan (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian beliau untuk meningkatkan lagi Perancangan Keluarga di Malaysia dan kejayaan yang telah dicapai setakat ini.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, menyedari hakikat bahawa Pembangunan dan Perancangan Keluarga adalah di antara faktor penting bagi mewujudkan sebuah keluarga yang benar-benar sihat sejahtera, Kerajaan melalui Lembaga Perancangan Keluarga Negara (LPNK) telah mengambil berbagai langkah bagi memberi perkhidmatan tersebut kepada rakyat. Adalah diharapkan dengan perkhidmatan tersebut dapat meningkatkan taraf hidup keluarga di samping menjamin kesihatan ibu-ibu dan anak-anak dan juga menjarakkan kelahiran dengan sewajarnya. Di samping itu Kerajaan telah mengambil langkah-langkah mengintegrasikan Perkhidmatan Perancangan Keluarga dengan berbagai perkhidmatan yang berkaitan seperti Kementerian Kesihatan dan lain-lain yang terdapat di seluruh Semenanjung Malaysia.

Kerajaan juga sentiasa mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memperkembangkan lagi Perkhidmatan Perancangan Keluarga dari semasa ke semasa bagi memastikan ibu dan anak benar-benar sihat dan terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, sambutan orang ramai terhadap usaha Lembaga Perancangan Keluarga Negara adalah menggalakkan. Sehingga akhir tahun 1980 terdapat seramai 928,686 orang telah mendaftarkan nama bagi menerima Perkhidmatan Perancangan Keluarga di Semenanjung Malaysia. Dari jumlah tersebut kira-kira 53.5% didaftarkan melalui Klinik-klinik Lembaga Perancangan Keluarga Negara dan 18.6% melalui Klinik Integrasi Kementerian dan selebihnya melalui Klinik-klinik Persatuan Perancangan Keluarga dan lain-lain sumber Perkhidmatan Perancang Keluarga.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Soalan tambahan. Di antara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri iaitu Perancangan Keluarga ini telah dapat sambutan yang baik daripada orang ramai hingga sampai bilangannya 928,000. Jadi, saya hendak tumpang bertanya oleh kerana begitu sekali ramai orang-orang yang mengambil bahagian di dalam Perancangan Keluarga ini, maka di antara kaum-kaum yang mengambil bahagian itu kaum mana yang besar sekali bilangannya yang mengambil bahagian di dalam perkhidmatan Perancangan Keluarga.

Yang keduanya, kaum yang tidak mengambil bahagian ataupun yang kurang mengambil bahagian di dalam perkhidmatan Perancangan Keluarga ini apakah sebabnya. Adakah dengan sebab mereka itu kurang mendapat diayakkah ataupun kurang mendapat penyampaian kepada merekakah atau sengaja mereka itu tidak mahu mengambil bahagian sebagai anti kepada rancangan yang dianjurkan oleh Kerajaan.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Sekadar apa yang diketahui, Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar daripada penerima perkhidmatan Perancangan Keluarga iaitu lebih kurang 70% adalah terdiri daripada mereka yang berpelajaran sekolah rendah dan ke bawah, ini termasuk semua kaum. 4.8% daripada jumlah tersebut adalah terdiri daripada golongan yang berpendapatan kurang daripada \$300 ini juga termasuk semua kaum.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Bilangan tiap-tiap kaum tidak diterangkan.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Saya minta notis.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari selama ini usaha-usaha Perancangan Keluarga disebarkan seluruh Malaysia, tetapi kita jarang dapat mendengar apakah fatwa-fatwa yang harus dikeluarkan atau yang akan dikeluarkan ataupun yang telah dikeluarkan oleh Jabatan-jabatan Ugama mengenai dengan Perancangan Keluarga ini khususnya Ugama Islam.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum lagi kita dapati fatwa daripada pihak-pihak ulamak. Apa yang dipandangkan di dalam usaha Perancangan Keluarga ini didapati ianya tidak menyentuh kesucian ugama Islam itu kerana prinsip di dalam Perancangan Keluarga ini ialah hendak menjaga kesihatan ibu yang melahirkan anak.

Yang kedua, menurut apa yang kita ketahui di dalam Al-Quran ada disebutkan di situ iaitu dengan izin, "weaning period for baby" ditetapkan oleh Al-Quran selama 2 tahun. Jadi, setengah ulamak Fekah mengatakan bahawa Perancangan Keluarga ini boleh diregulate—memaksa tidak boleh—tetapi boleh disusun (regulate) supaya kelahiran itu memakan masa tidak kurang daripada 2 tahun. Jadi kenyataan yang kita dapat daripada setengah pendapat ulamak belumlah dapat lagi kita menentukan sama ada ini haram atau tidak tetapi setakat apa yang kita dapat lihat perkara ini merupakan harus mengikut keadaan-keadaan yang tertentu.

Semasa Rasulullah dahulu berlaku beberapa kes perempuan yang mengelak daripada melahirkan anak yang dinamakan "azal", dengan izin, ini mencari jalan merenggangkan kelahiran anak. Ini pernah berlaku di zaman Rasulullah dan zaman itu Quran masih lagi diwahyu oleh Allah. Kalau perkara ini merupakan perkara fundamental tentulah perbuatan itu ditegah oleh Allah melalui wahyu Al-Quran pada masa itu. Jadi setengah-setengah ulama memikirkan seperti ulama-ulama Bangladesh baru-baru ini datang melawat ke sini oleh kerana memandangkan kepada keadaan-keadaan di negara Bangladesh itu sendiri maka didapati bahawa

harus rancangan keluarga itu dijalankan di negara Islam Bangladesh kerana memandangkan kepada, dengan izin, the great increase of population, hampir 100 juta lebih yang menghadapi problem makanan. Jadi nyawa itu lebih besar daripada usaha beranak, kerana Tuhan berkata dalam Al-Quran: memelihara nyawa itu adalah satu perkara yang sangat penting di dalam ugama.

Bagi negara kita ini belumlah ada lagi satu fatwa yang boleh menentukan haram atau halal terhadap apa yang kita buat sekarang oleh kerana kita menitikberatkan kepada kesihatan dan tidak membenarkan orang membuang anak (abortion) itu dilarang. Maka difahamkan bahawa haruslah kita buat rancangan keluarga di negara kita ini memandangkan kepada pembangunan ekonomi untuk diwujudkan perimbangan, dengan izin, balance between the population growth and economic growth.

Dr Choo Kooi Fook: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana Yang Berhormat Menteri mengatakan tadi sambutan rancangan ini adalah menggalakkan dari segi keseluruhan negara. Yang saya ingin tahu ialah adakah Kerajaan membuat satu kajian teliti mengenai kesan rancangan ini terhadap rakyat luar bandar berbanding dengan rakyat dalam bandar. Jika ada apakah keputusannya? Apakah tindakan yang sedang diambil untuk mengatasinya?

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu suka saya menyatakan kepada Majlis ini iaitu usaha membuat survey atas perancangan keluarga ini sedang dijalankan dan kita tidak dapat lagi memastikan result itu berbanding dengan luar bandar dan dalam bandar.

LATIHAN INTENSIF KEPADA AHLI RELA

16. Tuan Haji Fadzil bin Ahmad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kementeriannya ada rancangan untuk memberi latihan intensif kepada setiap ahli pasukan RELA serta membekalkan setiap ahli dengan alat senjata dan jika ada nyatakan bila rancangan ini akan dilaksanakan.

berbagai mass media seperti TV, Radio dan suratkhobar, saya rasa kesan yang diinginkan tidak dapat dicapai. Orang ramai tidak dapat berdaftar kerana tempat pendaftaran telah tidak diketahui oleh penduduk-penduduk di kawasan masing-masing walaupun orang ramai sedar tentang kempen pendaftaran pengundi-pengundi baru telah dijalankan, mereka tidak dapat berdaftar kerana pegawai yang ditugaskan untuk membuat pendaftaran tidak dapat dijumpai ataupun kalau dapat dijumpai pun mereka tidak mempunyai borang-borang pendaftaran yang secukupnya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kurangnya publisiti berkaitan dengan tempat pendaftaran mungkin orang ramai tidak dapat kesan tempat pendaftaran ataupun pendaftar sendiri tidak ada di situ. Pada masa ini pendaftar-pendaftar pengundi adalah terdiri dari pegawai-pegawai Kerajaan dan guru-guru yang bekerja sebagai pekerja sambilan dan perkara ini tidak memberi kesan yang baik. Saya mengesyorkan di Dewan yang mulia ini pendaftaran hendaklah dijalankan sepanjang tahun oleh pegawai-pegawai yang bekerja sepenuh masa di pejabat-pejabat tertentu seperti Pejabat Pos, Pejabat Daerah dan Pejabat Pendaftaran Negara dan pendaftaran hendaklah dijadikan otomatis kepada semua warganegara apabila mereka sampai umurnya. Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai matlamat ini lebih banyak peruntukan boleh diuntukkan bagi tujuan ini.

Dengan ini saya dengan sukacitanya menyokong Rang Undang-undang meminda Akta Suruhanjaya Pilihanraya, 1957. Sekianlah sahaja, terima kasih.

3.43 ptg.

Tuan Tan Chang Soong: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul untuk meminda Akta Suruhanjaya Pilihanraya, 1957. Suruhanjaya Pilihanraya merupakan darah daging sistem demokrasi berparlimen yang kita percaya dan amalkan. Tanggungjawabnya adalah lebih berat daripada organisasi jentera pilihanraya, ianya ditugaskan oleh Perlembagaan sebagai penjaga proses pilihanraya atas bentuk Kerajaan demokratik yang diamalkan oleh negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, seluruh proses pilihanraya berasaskan kepada persempadanan negara kepada kawasan-kawasan pilihanraya. Ini adalah aspek terpenting fungsi Suruhanjaya Pilihanraya dan sama ada kerja Suruhanjaya Pilihanraya itu dianggap baik atau tidak adalah tergantung kepada kewajipan yang ditunaikan. Justeru itu sebagai badan yang cekap dan non-partisan Suruhanjaya Pilihanraya mesti menunaikan tanggungjawabnya dengan sedaya upaya tanpa takut-takut dan pilih kasih.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini telah menyentuh tentang pelukisan persempadanan pilihanraya dan nisbah yang berkenaan. Saya berharap dengan setinggi-tingginya apabila Suruhanjaya Pilihanraya mengkaji semula persempadanan pilihanraya akan mengambil kira bilangan pengundi di dalam tiap-tiap kawasan pilihanraya dan menjamin suatu agihan yang lebih adil termasuk keberatan yang diberikan kepada kawasan luar bandar. Dengan proses pembangunan yang sedang dijalankan, saya berharap satu peraturan yang lebih sama rata dapat dipertimbangkan agar mencerminkan keadaan negara kita, terutama sekali dengan adanya pemindahan penduduk luar bandar ke kawasan bandar. Memang merupakan satu prinsip universal diberikan keberatan kepada perwakilan luar bandar tetapi jangan lupa di kawasan bandar juga terdapat pengundi yang hidup merana dan keadaan serta taraf hidup mereka perlu ditingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi aspek kerja Suruhanjaya berkaitan dengan pendaftaran pengundi, sungguhpun cadangan telah dibuat untuk proses pendaftaran sepanjang tahun saya rasa keadaan yang paling senang ialah membenarkan pendaftaran melalui pos. Pengundi yang mencapai umur berkanun boleh memohon kepada Suruhanjaya untuk mendaftarkan namanya di dalam buku daftar pilihanraya. Suruhanjaya Pilihanraya kemudian boleh memproses pendaftaran dan membuat pengesahan jika perlu dengan pihak yang berkenaan mengenai alamat pengundi. Proses ini akan memudahkan kerja dalam meletakkan tempat dan masa dalam tugas pendaftaran. Ini juga boleh mengelakkan tuduhan dan aduan bahawa unit-unit yang bergerak yang pergi dari sebuah rumah ke

sebuah rumah mendaftar telah gagal untuk berbuat demikian dan lain-lain tuduhan seumpamanya. Saya percaya, sistem pendaftaran ini akan berjalan dengan licin dan efficient dan tidak bercanggah dengan prinsip yang memberikan pilihan kepada mereka yang cukup umur untuk menentukan sama ada mereka ingin mendaftar sebagai pengundi.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang tersebut.

3.48 ptg.

Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersama dengan rakan-rakan yang lain hendak mengambil bahagian sedikit kerana perbincangan Rang Undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan) yang ada di hadapan kita sekarang.

Dalam pindaan ini tidak banyak perkara iaitu perkara Jadual I iaitu Gaji dan Elaun Tetap Ahli-ahli Suruhanjaya itu sahaja sebagaimana yang dicatatkan iaitu dicadangkan \$4,210 sebulan kepada Pengerusi dan elaun tetap kepada Ahli-ahli Suruhanjaya \$3,040 sebulan. Kalau kita lihat pula kepada implikasi kewangannya sudah tentulah Kerajaan terpaksa mencari wang untuk membayar elaun dan gaji Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya ini. Itu tidaklah menjadi masalah atau perkara yang saya hendak katakan tidak layak, bahkan barangkali gaji Ahli-ahli Suruhanjaya ini pun patut dipinda pada masa-masa akan datang barangkali ke arah lebih besar lagi. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia ini memanglah kita mengamalkan demokrasi berparlimen, kebebasan kepada rakyat jelata boleh menubuhkan parti-parti politik, boleh berkempen dalam mana-mana pilihanraya dan demokrasi yang kita amalkan ini pernah juga saya katakan di Dewan yang mulia ini adalah demokrasi yang lebih sedikit kalau saya hendak gunakan isitlah "terlampau", takut tak berapa cantik, tak berapa elok kerana sebagaimana yang diketahui umum, keadaan yang berlaku dalam negara kita semenjak kita mengadakan pilihanraya pertama pada tahun 1955.

Masalah yang kedua pada masa-masa yang sudah Suruhanjaya Pilihanraya ini, khususnya Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya tidak ternampak langsung adanya hubungan atau

kerjasama yang patut sebagai kerjasama yang erat sedikit antara badan bebas ini dengan pihak Kerajaan ataupun lebih tepat dengan pihak pemerintah ataupun dengan pihak parti pemerintah. Kononnya beliau mendakwa bahawa Suruhanjaya Pilihanraya adalah merupakan badan bebas yang tidak boleh dipengaruhi oleh mana-mana pihak, ia mesti bergerak bebas seolah-olah dia tidak ada tuan, tidak ada orang yang melantiknya ataupun memberi rezeki sesuap nasi kepadanya dan sebagainya. Jadi saya berharap dengan pindaan gaji dan elaun ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya ini, saya bukan bermaksud supaya badan ini dipengaruhi segenap aspek oleh satu-satu parti, tetapi mahu tidak mahu kerjasama yang erat, tindakan-tindakan yang patut dan harus diambil baik semasa pendaftaran, semasa kempen pilihanraya atau semasa hari rakyat membuang undi.

Saya dapat memberikan beberapa contoh, Tuan Yang di-Pertua, pada masa-masa yang lepas biasa dibuat dalam mana-mana pilihanraya sama ada pilihanraya umum, pilihanraya kecil dibuat suatu peraturan yang dinamakan tatatertib pilihanraya. Tatatertib pilihanraya ini digaris oleh pihak Jabatan Suruhanjaya Pilihanraya dan biasanya dijemput parti-parti yang bertanding untuk mendengar keterangannya ataupun menerangkan tujuan-tujuannya dan diakhirinya diambil persetujuan dalam perjumpaan atau mesyuarat-mesyuarat itu.

Sebagaimana yang kerap kali berlaku parti pemerintah atau parti yang mendokong Kerajaan biasanya kita menghormati sangat kepada tatatertib yang dibuat oleh Suruhanjaya ini kerana kita sedar bahawa inilah satu-satunya barangkali Jabatan yang akan mengelolakan pilihanraya dengan adil, dengan baik dan tidak menimbulkan sebarang perkara yang tidak diinginkan. Tetapi di samping itu ada kalanya parti-parti yang selain daripada parti pemerintah melanggar tatatertib yang dibuat bersama di meja mesyuarat atau di meja taklimat dan penerangan yang dibuat oleh Setiausaha Pilihanraya dan sebagainya. Dan apakala perkara seperti ini diadakan kepada pihak yang berkenaan Suruhanjaya Pilihanraya tidak mengambil peduli dan katanya kita tidak mempunyai tenaga, kita tidak mempunyai orang yang hendak mengambil tindakan dan

sebagainya, sedangkan perkara ini kalau dibiarkan asas demokrasi yang sebenar itu akan hilang kerana daripada sekitar yang berlaku itu menimbulkan huru-hara, menimbulkan keadaan yang kurang baik di antara masyarakat dan juga di antara kaum.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap sangat amalan kepada Suruhanjaya Pilihanraya sebagai badan bebas, saya tidak bertujuan hendak mengungkit, tetapi ahli-ahli Suruhanjaya hendaklah setidak-tidaknya selaraskan pandangan dan fikirannya dengan Kerajaan atau dengan pemimpin-pemimpin parti pemerintah kerana mereka ini adalah orang yang bertanggungjawab kepada keselamatan negara dan keselamatan rakyat seluruhnya.

Kalau kita menilik pula kepada amalan yang dilakukan di sini dan kalau kita membuat sedikit sebanyak kajian dengan amalan yang dibuat oleh negara-negara jiran kita, corak demokrasinya, cara pilihanraya dibuat adalah jauh berlainan dan hasil daripada pilihanraya yang kita dapati baru-baru ini saya nampak berjalan baik dan itu juga yang harus dijadikan panduan oleh Suruhanjaya Pilihanraya di negara kita ini.

Semalam ramai di antara rakan-rakan saya menyebut tentang pendaftaran pengundi dan hari ini pun ada. Saya juga suka hendak memberikan sokongan sekali lagi kepada rakan-rakan yang terdahulu daripada saya yang mana pendaftaran ini penting dan pihak Suruhanjaya Pilihanraya sendiri barangkali kurang mengambil berat ataupun tidak mahu perkara ini dijadikan satu perkara yang utama. Maka sebab itulah terdapat di Malaysia kita ini ramai di antara penduduk dan rakyat yang tidak berdaftar sebagai pengundi dan ramai pula terdapat di hari membuang undi rakyat kita tidak dapat membuang undi kerana nama mereka dipotong atau nama mereka ada di tempat lain dan sebagainya.

Contoh lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, tahun 1974 iaitu tahun pilihanraya yang agak baik di Malaysia ini. Saya sendiri mengetahui benar-benar bahawa dua orang daripada Menteri kita tidak dapat mengundi dalam pilihanraya 1974 iaitu Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah dan Yang

Berhormat Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda, masa itu beliau Menteri. Puas kita mencari satu hari di mana namanya pun tidak ada, sedangkan tahun-tahun kebelakangannya semua boleh mengundi dan ada nama dalam buku pendaftar. Jadi keadaan seperti ini jelas kepada kita bahawa kerja-kerja yang dijalankan oleh Jabatan Suruhanjaya Pilihanraya pada ketika itu tidak benar-benar dianggap mustahak bak kata orang ala-kadar sahaja. Yang paling anih lagi sekali pula semenjak kita pakai komputer dikatakan oleh pegawai-pegawai daripada Jabatan Suruhanjaya Pilihanraya nama orang-orang dalam daftar pengundi tidak akan ada dua nama dalam satu buku pendaftaran kerana kononnya pakai komputer. Komputer bila sampai kepada kad pengenalan yang nombornya sama, nama yang sama ditendang keluar. Tetapi hakikat ini juga tidak betul, pernah saya sendiri membawa perkara ini kepada pihak yang berkenaan, Jabatan Pilihanraya bukan duduk dalam mukasurat lain-lain, tidak, dalam mukasurat yang sama atas dengan bawahnya sahaja, namanya sama, kad pengenalannya sama, berlaku.

Jadi kalau orang itu barangkali dia tidak takut berdosa kepada Tuhan, dia bolehlah pergi mengundi dua kali, mengundi pagi sekali dan mengundi petang sekali, begitulah seterusnya. Keadaan ini apa yang ada di hadapan kita sungguhpun saya sendiri sedar perkara yang kita bincangkan ini ialah mengenai gaji dan elaun tetapi perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Dewan Negara di dalam persidangan kita pada kali ini dalam meminda Akta ini adalah berharap supaya pihak Suruhanjaya Pilihanraya sekarang dan seterusnya pada masa-masa yang akan datang ini, perkara-perkara dan pandangan-pandangan yang diberi ini mestilah diambil berat dan diusahakan semoga rakyat dapat mendaftarkan diri sebagai pengundi. Rakyat yang layak sudahlah mereka mendaftarkan diri, biarlah di hari membuang undi mereka boleh mengundi kepada calon mana yang mereka suka, kepada parti mana yang mereka pilih.

Kita harap tidak akan kedengaran lagi pada masa yang akan datang, ada orang datang hendak mengundi tetapi namanya tidak ada

sedangkan dia mendaftar, dia mempunyai keterangan yang dia mendaftar menerusi satu kad kecil yang diberi oleh pihak Suruhanjaya Pilihanraya kepada orang itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja pandangan saya dalam perbincangan ini. Kita akan meluluskan sebentar lagi mengenai elaun dan gajinya. Ahli Lembaga diberi elaun yang difikirkan oleh Kerajaan setimpal pada masa ini dengan urusannya, kita berharap mereka ini akan berkhidmat dengan penuh perasaan tanggungjawab kepada negara, tanggungjawab kepada rakyat dan jiwa mereka juga adalah diminta atau dirayu supaya tidak berlawanan dengan kehendak Kerajaan atau kehendak yang memerintah pada masa ini. Itulah harapan saya kepada Pengerusi dan ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya.

Dengan ini saya menyokong atas pindaan kepada Akta Suruhanjaya Pilihanraya, 1957.

4.05 ptg.

Datuk Seri Haji Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, mula-mula saya tidaklah berniat hendak mengambil bahagian bercakap dalam masalah Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini.

Saya memberi pujian setinggi-tingginya kepada Suruhanjaya Pilihanraya ini yang diadakan semenjak tahun 1955. Kita boleh melihat dan mendengar di dalam negeri lingkungan kita ini apabila ada pilihanraya umum bermacam-macam kecoh yang telah timbul; bermacam-macam corak dan ada juga pembunuhan. Tetapi Alhamdulillah, dengan kecekapan dan kebijaksanaan Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan tugas, maka negara kita tidak menghadapi masalah ini.

Kita adakan pilihanraya ialah kerana negara kita ditadbirkan dengan konsep demokrasi dan warganegara di dalam negara kita yang berumur 21 tahun ke atas boleh mendaftar sebagai pengundi. Jadi kita hendak gunakan fundamental right untuk orang-orang yang telah menjadi warganegara 21 tahun ke atas umurnya, maka kita boleh gunakan dengan proses demokrasi iaitu mendaftar. Soal mendaftar atau tidak mendaftar atau nama terkeluar daripada pendaftaran, itu bukan soal Suruhanjaya Pilihanraya tetapi kita sebagai rakyat yang

telah merdeka mesti menjalankan kewajipan kita sebagai warganegara dengan pergi mendaftar dan mengundi.

Adakah dengan menjalankan demokrasi ini kita mahu mengadakan pendaftaran secara compulsory iaitu siapa sahaja yang berumur 21 tahun, wajib under the law mengundi. Tetapi oleh sebab kita berpegang pada demokrasi, kita tidak mahu ikut cara yang dibuat oleh negara-negara jiran kita iaitu compulsory mendaftar. Jikalau compulsory mendaftar, warganegara yang belum mendaftar under the law, kenalah mendaftar dan jikalau dia tidak mendaftar dia boleh dikenakan fine. Kita kenalah pilih antara satu iaitu kebebasan atau compulsory mendaftar.

Banyak juga sudah kita cakapkan berkenaan dengan pros and cons menghad pendaftaran sebagai compulsory. Jikalau compulsory hari mengundi itupun compulsory, tiap-tiap pendaftar mesti keluar mengundi, tidak boleh tinggal di rumah. Tetapi kita menjalankan dasar demokrasi iaitu siapa yang hendak mendaftar—daftarlah; siapa yang hendak mengundi—mengundilah, tidak ada paksaan. Tetapi sebuah negeri yang berdekatan dengan kita ini menggunakan mengundi by law dan mendaftar by law, iaitu tiap-tiap warganegara mesti mendaftar, mesti mengundi; tidak boleh tidak.

Jadi, kita mesti ingat sungguhpun ada nama tertinggal, ada address tertinggal tetapi Kerajaan dengan saluran mass media seperti televisyen ada meminta kita menyemak buku tiap-tiap tahun sama ada nama kita ada atau tidak. Tetapi apa yang saya bangga dan megah negara kita tidak menghadapi satu masalah (problem) berkenaan dengan pilihanraya ini. Ini juga dipuji oleh negara-negara luar daripada Malaysia ini iaitu satu dunia memuji perjalanan pilihanraya kita dengan teratur, tidak ada kacau-bilau, tidak ada timbul pergaduhan, tidak ada timbul pembunuhan. Ini kemegahan Malaysia hari ini mengadakan pilihanraya. Dahulunya saya masih ingat tetapi mungkin oleh kerana kewangan barangkali Kerajaan tidak lagi menjalankan pendaftaran atau menghantar kepada pengundi-pengundi iaitu kad putih kepada pendaftar-pendaftar. Yang diberi kad putih ialah untuk pendaftaran baru sahaja.

Dahulu saya ingat tahun 1955 dan 1956 kita ada menerima daripada Suruhanjaya Pilihanraya kad yang nama-namanya ada di dalam buku pendaftar, iaitu sekeping poskad nama kita dan juga nombor kita mengikut buku register dan juga tempat di mana kita akan mengundi, tempat membuang undi ada disebut. Tetapi apabila bilangan pengundi-pengundi ini semakin tahun semakin bertambah maka saya percaya oleh kerana masalah kewangan atau kakitangan, khidmat itu diberhentikan. Jikalau ini dijalankan barangkali banyak daripada sungutan-sungutan dapat dihapuskan. Sebab pilihanraya ini sama ada Federal ataupun State diadakan lima tahun sekali atau 4 tahun sekali mengikut pemerintah bila hendak diadakan pilihanraya, tetapi tentulah pemerintah mesti berhubung rapat dengan Suruhanjaya Pilihanraya. Jikalau dapat masalah ini diatasi maka berkenaan dengan nama tertinggal dalam register book atau buku-buku pengundi tentulah tidak timbul. Bolehlah kita berjumpa kepada pejabat-pejabat di negeri atau daerah atau pusat berkenaan dengan soal ini jikalau nama kita tertinggal.

Saya menyokong Rang Undang-undang ini dan menyokong juga kenaikan gaji pegawai-pegawai Pengerusi dan ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya. Saya tiada lagi hendak bercakap sebab saya dengar teruk benar Bil ini, pada saya straightforward bill, iaitu berkenaan dengan gaji. Setuju atau tidak kenaikan gaji ini, tetapi nampaknya dua hari setengah debate berkenaan dengan gaji ahli-ahli Suruhanjaya, jadi saya bangkitkanlah ini sebab banyak sangat, walaupun mereka kata saya menyokong pihak Suruhanjaya, mesti seorang sokong. Itulah ucapan saya.

4.14 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah menyokong dan memberi pandangan terhadap Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini.

Saya tidak akan menjawab satu per satu perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan mana yang saya tidak jawab saya akan mengambil ingatan untuk tindakan selanjutnya.

Yang Berhormat Senator Haji Mahmoud Salim telah mengesyorkan supaya gaji dan elaun bagi Pengerusi dan ahli-ahli Suruhanjaya ditambah lagi amaunnya daripada apa yang ada di dalam Rang Undang-undang ini. Mengenai perkara ini sukalah saya maklumkan iaitu pihak Kerajaan sebelum menentukan amaun ini telah mengambil kira berbagai-bagai faktor termasuklah tanggungjawab dan beban kerja. Bagaimanapun pandangan ini bolehlah diambil ingatan kerana Kerajaan sentiasa dari masa ke semasa mengkaji kedudukan gaji dan elaun bagi Pengerusi dan juga ahli-ahli Suruhanjaya ini.

Umpamanya, semenjak tahun 1957 dua kajian telah dibuat dan campur dengan kali ini pula menjadi tiga kajian. Dalam tahun 1957, Pengerusi mendapat \$2,500 gaji sebulan, ahlinya \$750 sebulan. Dalam tahun 1981 gaji Pengerusi menjadi \$4,210 dan elaun ahli menjadi \$3,040 sebulan.

Beliau dan juga Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak, Yang Berhormat Tuan Haji Hamid Tahir, Yang Berhormat Senator Ibrahim Abdullah, Yang Berhormat Senator K. Kumaran dan Yang Berhormat Senator Tan Chang Soong membincangkan perkara kawasan-kawasan pilihanraya. Ada yang mengatakan terlalu luas dan mencadangkan supaya dikaji kawasan-kawasan pendalaman yang dikatakan sebegitu luas dan sukar dalam soal perhubungan.

Menjawab perkara ini sukalah saya memberi tahu bahawa bilangan kawasan pilihanraya di tiap-tiap negeri adalah ditetapkan oleh Perlembagaan, kalau Dewan Rakyat Perlembagaan Persekutuan dan bagi negeri-negeri juga dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri masing-masing. Bagaimanapun pandangan-pandangan yang dikemukakan itu bolehlah diberi perhatian untuk dikaji dalam masa Suruhanjaya ini membuat pengajian di masa-masa akan datang.

Mengenai dengan elaun yang hendak diperbesarkan kepada wakil-wakil rakyat di kawasan-kawasan pendalaman, ini adalah kurang praktik kerana adalah sukar bagi kita hendak menentukan setakat mana kawasan-kawasan yang dikatakan kawasan pendalaman. Dan kita juga dapat lihat setengah-setengah kawasan pendalaman itu dekat dengan kawasan bandar dan ada pula setengahnya jauh daripada kawasan bandar. Jadi di mana-mana juga di dalam negara sepanjang yang kita tahu di dunia ini tidak membezakan elaun-elaun bagi wakil-wakil rakyat mereka, sama belaka.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak dan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Hamid mencadangkan supaya keanggotaan ahli ditambah selain daripada kawasan-kawasan ditambah. Jadi mengenai dengan perkara penambahan kawasan-kawasan ini apa yang diambil kira selain daripada apa yang dicatitkan di dalam Perlembagaan, faktor yang diambil kira oleh Suruhanjaya kita ialah:

- (1) kemudahan bagi pengundi;
- (2) kemudahan pentadbiran kawasan;
- (3) jumlah pengundi;
- (4) keluasan kawasan;
- (5) perhubungan tempatan; dan
- (6) sistem perhubungan dan pengangkutan.

Bagi masa yang akan datang dalam kajian yang dibuat lapan atau sepuluh tahun sekali, faktor-faktor ini akan terus diberi perhatian selain daripada pandangan-pandangan yang telah diutarakan sekejap tadi.

Mengenai cadangan supaya ditambah wang amanah (deposit) bagi memasuki pilihanraya, saya kenalah menyatakan di sini bahawa tidaklah wajar kita menambah terlalu banyak deposit itu kerana ini tidaklah selaras dengan konsep demokrasi berparlimen. Kalau terlalu besar depositnya kebimbangan ialah ramai yang tidak mampu memasuki pilihanraya. Sekarang ini didapati amaun deposit yang ada adalah buat sementara mencukupi. Walau bagaimanapun, bolehlah dikaji dari masa ke semasa untuk ditambah deposit ini.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Hamid juga meminta supaya diawasi kempen-kempen cerah yang boleh dianggap sebagai rapat umum dengan menggunakan pembesar-pembesar suara dan sebagainya. Pihak Suruhanjaya Pilihanraya biasanya memulangkan perkara seumpama ini kepada budibicara polis untuk menentukan sama ada kempen seumpama itu melanggar peraturan ataupun tidak.

Mengenai 75% sahaja pengundi yang keluar mengundi setiap kali, diadakan pilihanraya saya suka menerangkan pihak Suruhanjaya dan juga parti-parti siasah sentiasalah mencuba seberapa daya menarik seberapa ramai keluar pengundi-pengundi untuk mengundi. Bagaimanapun, kita tidak dapat memaksa tia-tiap seorang yang tidak mahu mengundi dan seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian mengetahui di dalam negara kita seperti juga di negara-negara lain yang mengamalkan demokrasi berparlimen tidaklah kita ada undang-undang untuk memaksa orang-orang kita mengundi. Patut juga saya sebut iaitu angka 75% yang keluar mengundi itu adalah satu-satunya yang boleh dikatakan baik di dalam dunia kita ini. Kita rasa syukur kerana pilihanraya demi pilihanraya segala-galanya dapat berjalan dengan baik, licin tanpa sebarang pergaduhan dan ini adalah disebabkan kecekapan Suruhanjaya Pilihanraya kita menjalankan tugas-tugasnya.

Mengenai saranan untuk dipendekkan masa bantahan (objection) pada pandangan Suruhanjaya masa yang ada ini sudah berpatutan. Bagaimanapun, sekiranya ada rayuan daripada parti-parti siasah maka dapatlah diberi pertimbangan di atas soalan ini.

Yang Berhormat Senator Dr Choo Kooi Fook dan beberapa Senator yang lain berharap mana-mana pihak tidak akan mengganggu atau mempengaruhi tugas-tugas Suruhanjaya ini. Sebagaimana kita tahu Perlembagaan menjamin kebebasan Suruhanjaya dan sesiapa pun tidak boleh mempengaruhi atau mengganggu kerja-kerja Suruhanjaya.

Mengenai pandangan supaya seberapa boleh satu-satu kawasan Parlimen dihadkan dengan 40,000 pengundi sahaja, sukalah saya menyatakan iaitu faktor yang diambil kira oleh Suruhanjaya bukan sahaja bilangan pengundi-pengundi di satu-satu kawasan itu bahkan juga faktor-faktor yang telah saya sebutkan tadi.

Yang Berhormat Senator Tan Chang Soon dan Yang Berhormat Senator K. Kumaran juga mencadangkan supaya daftar pengundi dibuka sepanjang tahun. Ini dapatlah kita beri perhatian kepada cadangan ini.

Yang Berhormat Senator Ibrahim meminta Suruhanjaya berikhtiar supaya lebih ramai orang yang berumur lebih daripada 21 tahun mendaftarkan diri sebagai pengundi. Ini adalah sedang dilakukan oleh Suruhanjaya dengan ditambah kakitangan lebih ramai dari semasa ke semasa. Suruhanjaya akan memberi perhatian ke atas cadangan ditambah motokar dan lain-lain alatan kepada pegawai-pegawai bagi menjalankan tugasnya.

Yang Berhormat Senator Haji Ariffin melahirkan hasrat supaya diwujudkan lebih rapat kerjasama di antara anggota-anggota Suruhanjaya ini dengan pihak-pihak lain dalam menghadapi pilihanraya dan juga menentukan pengundi-pengundi. Tuan Yang di-Pertua, sememangnya pihak Suruhanjaya sentiasa cuba bekerjasama dengan pihak-pihak yang difikirkan wajar dan dalam pada itu pihak Suruhanjaya juga terpaksa mengawasi supaya tidak ada tuduhan daripada satu-satu pihak yang Suruhanjaya ini telah dipengaruhi, maklumlah di dalam Perlembagaan ada menyebut bahawa Suruhanjaya mestilah bebas dan tidak boleh diganggu oleh sesiapa di dalam menjalankan tugasnya.

Yang Berhormat Senator Haji Ariffin juga berharap supaya tidak timbul lagi kesilapan nama-nama pengundi yang telah sedia ada hilang daripada daftar pengundi dan juga diikhtiar dengan lebih lagi menambah bilangan pengundi-pengundi baharu. Saranan ini akan diberi perhatian.

Yang Berhormat Senator Dato' Seri Haji Hussein telah memohon supaya kemudahan-kemudahan yang lebih baik diberi untuk masing-masing menyemak nama mereka di dalam daftar pengundi. Tuan Yang di-Pertua, ini sentiasalah dilakukan oleh Suruhanjaya dan di masa akan datang kemudahan-kemudahan yang lebih banyak akan diwujudkan bagi pengundi-pengundi menyemak nama-nama mereka dari semasa ke semasa.

Sekian sahajalah dan mana-mana points atau perkara-perkara dikemukakan yang saya tidak beri jawapan akan saya mengambil ingatan untuk tindakan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.40 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi mengemukakan satu Rang Undang-undang yang bernama Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu bagi bacaan kali kedua dan ketiga. Tujuan Akta ini ialah untuk

membolehkan satu Lembaga bagi Pelabuhan Bintulu ditubuhkan sepertimana juga dengan pelabuhan-pelabuhan besar yang ada di Malaysia di mana semuanya ditadbirkan oleh Badan Berkanun. Dengan adanya Lembaga Pelabuhan Bintulu, perantaraan pegawai-pegawai dan kakitangan Pelabuhan ini boleh dibuat dengan lebih awal untuk merancang dan menjalani latihan intensif yang perlu sebelum Pelabuhan ini menjalankan operasinya.

Dalam persidangan Parlimen di bulan Oktober 1978 hingga Januari 1979, satu Rang Undang-undang atas nama "Akta Pengisytiharan Suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu menjadi Suatu Port Persekutuan 1979" telah diluluskan. Seterusnya Akta ini telah diwartakan pada bulan Februari 1979, dan ini membuat Pelabuhan Bintulu satu pelabuhan yang pertama di kawasan Malaysia Timur yang diisytiharkan sebagai Port Persekutuan.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Pusat sedang bergiat memajukan pembangunan di kawasan Bintulu, Sarawak. Pada masa ini Kerajaan sedang membina sebuah pelabuhan untuk gas cecair LNG dan kargo kering am di Bintulu yang dijangka akan menelan belanja sebanyak \$500 juta. Di samping itu, Kerajaan juga sedang membina satu industri gas cecair LNG di satu kawasan berhampiran dengan Pelabuhan Bintulu. Apabila industri LNG bermula pengeluarannya, Pelabuhan Bintulu akan menjadi saluran bagi mengeksport keluaran LNG itu ke luar negeri.

Jeti untuk LNG di pelabuhan ini akan dapat menampung pengeluaran LNG sebanyak 6 juta tan setahun.

Selain dari sebuah jeti LNG, 4 lagi dermaga kargo kering sedang dibina di pelabuhan Bintulu. Satu daripadanya adalah untuk kegunaan kargo pukal (bulk cargo) dan tiga yang lain adalah bagi kegunaan kargo kering am (general dry cargo). Apabila siap Pelabuhan Bintulu ini akan menjadi sebuah pelabuhan terbesar di Sarawak yang bertaraf antarabangsa. Pelabuhan ini juga merupakan satu daya penggerak bagi penubuhan beberapa industri di kawasan Bintulu seperti projek ASEAN, Urea/Ammonia dan

sebagainya. Pengeluaran hasil tempatan seperti kayu-kayan dan lada hitam juga dapat disalurkan melalui pelabuhan ini. Di samping itu, bahan-bahan untuk kegunaan industri-industri di Bintulu boleh diimport dan barang pengeluaran kilang di Bintulu boleh dieksport keluar melalui pelabuhan ini. Pendek kata dengan adanya Pelabuhan Bintulu keupayaan pembangunan perindustrian di kawasan Bintulu khasnya dan di Sarawak amnya akan dapat dipertingkatkan dan ini akan membawa faedah mengadakan pekerjaan, pencapaian taraf hidup yang tinggi dan kemahiran bagi anak-anak negeri Sarawak.

Projek Bintulu ini adalah dalam peringkat pembinaan pada masa ini dan ianya dilaksanakan secara 5 kontrak. 4 daripada kontrak ini telahpun ditawarkan dan sedang dilaksanakan dan kontrak terakhirnya dijangka akan ditawarkan dalam bulan Januari ini. Semua kerja pembinaan pelabuhan ini dijangka akan siap sebelum akhir tahun 1982.

Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu ini meliputi segala aspek termasuk penubuhan Lembaga dan kuasa-kuasanya, ahli-ahli kakitangan, bayaran-bayaran tanggungan permaliman dan lain-lain perkara yang melibat operasi pelabuhan tersebut. Pada keseluruhannya, susunan dan kandungan Akta ini adalah sama dengan Akta Lembaga Pelabuhan-pelabuhan 1963 dengan diubahsuaikan bagi membolehkan Akta ini berkuatkuasa di Pelabuhan Bintulu sahaja.

Saya juga memaklumkan bahawa Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang yang tidak dapat ditentukan pada waktu ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.44 ptg.

Tuan Haji Latip bin Haji Dris: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu, 1980 seperti diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kementerian yang berkenaan bagi menerangkan Rang Undang-undang ini. Dengan lulusnya Rang Undang-undang ini maka satu lagi kemajuan di bidang pelabuhan di negeri Sarawak sebagai salah sebuah negeri selama ini serba kekurangan di bidang pengangkutan dan pelabuhan yang baik. Sudah tentu Pelabuhan Bintulu itu nanti menjadi satu pelabuhan yang besar serta termoden, juga pelabuhan ini menjadi satu Port Persekutuan di bawah tadbiran Lembaga seperti yang diterangkan dalam Rang Undang-undang ini serta menjadi satu Pertubuhan Perbadanan yang kekal turun-temurun.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini kepada kami di negeri Sarawak menjadi satu bukti nyata hasrat Kerajaan Pusat bagi memajukan lagi bidang ekonomi di negeri Sarawak itu supaya segala sumber kekayaan semula jadi di bumi Sarawak dapat diusahakan dengan lebih teratur serta memberi faedah kepada rakyat dan negeri itu oleh sebab sumber inilah seperti projek LNG dan baja urea dan lain-lain lagi projek yang menelan modal beribu juta ringgit dilabur di Bintulu itu berkehendak satu pelabuhan yang besar dan moden bagi tempat menyalurnya ke luar negeri untuk pasaran dunia. Dengan cara kebetulan juga keadaan semula jadi Bintulu memang sesuai dibuat pelabuhan besar dan dalam di lautan terbuka dengan perlindungan Telok Tanjung Kindurong. Bintulu juga terletak di tengah-tengah negeri Sarawak yang dahulunya dikenal sebagai satu daerah yang banyak mengeluarkan belacan dan cencaluk yang paling istimewa di Sarawak. Sekarang Bintulu telah bertukar corak menjadi sebuah daerah yang cepat membangun sebagai daerah menjadi tumpuan rakyat tempatan mencari kerja sebagai buruh kasar.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Bahagian II, Fasal 4—Keanggotaan Lembaga, dalam Rang Undang-undang ini menerangkan seorang Pengerusi yang dilantik oleh Menteri dan Pengurus Besar serta tidak lebih daripada 9 orang ahli akan dilantik oleh Menteri. Saya yakin Menteri yang bertanggungjawab sudah pasti melantik orang-orang yang berkelayakan dan sesuai dengan tadbiran Lembaga berkenaan. Walaupun demikian,

suka juga saya mengesyorkan supaya dalam Keanggotaan Lembaga itu nanti terdapat juga rakyat tempatan yang berkelayakan serta sekurang-kurangnya seorang diambil dari Perbadanan Kemajuan Bintulu.

Berpindah saya ke Bahagian VII mengenai Permaliman. Di antara lain dalam bahagian ini menerangkan tidak seorang pun boleh diambil kerja sebagai Malim Lembaga dalam sesuatu daerah permaliman melainkan ada memegang satu lesen yang sah.

Saya ingin mendapat penjelasan dalam masalah ini dari Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah seorang Malim yang mempunyai lesen yang sah itu boleh memalimkan semua kapal atau vesel dengan tidak ada sukatan berat tan bagi tiap-tiap buah kapal yang menggunakan Malim di Pelabuhan Bintulu itu nanti ataupun mengikut kelas lesen Malim yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Permaliman Lembaga Pelabuhan Bintulu.

Saya juga ingin mendapat penjelasan iaitu apakah kelayakan asas yang diperlukan oleh seorang yang boleh menjadi calon untuk memohon sebagai Malim ke suatu daerah yang dikehendaki oleh Jawatankuasa berkenaan. Adakah had umur juga ditentukan?

Tuan Yang di-Pertua, bagi Ahli Jawatankuasa Permaliman sudah ada diterangkan seperti yang dikehendaki dalam Rang Undang-undang ini iaitu mereka mempunyai pengetahuan atau pengalaman dalam perkara perkapalan, lautan atau pelabuhan, orang yang layak dan patut menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Permaliman. Syarat ini adalah satu asas bagi Ahli-ahli Jawatankuasa Permaliman. Oleh itu, saya berpendapat seorang yang boleh menjadi Malim sesuatu daerah pun berkehendak pengalaman yang tertentu bagi menjalankan tugas lebih bertanggungjawab lagi.

Di Bahagian IX, Fasal 74 di antara lain menerangkan iaitu kuasa-kuasa Pengurus Besar atau orang yang diberi kuasa memerintahkan supaya menenggelamkan vesel jika berlaku kebakaran. Apa yang menjadi perhatian saya dalam bahagian ini orang-orang yang nampaknya layak dan boleh memberi apa-apa perintah yang disifatkannya perlu untuk menenggelamkan vesel itu atau

memindahkan vesel itu atau mana-mana vesel ke satu tempat yang nampaknya patut untuk mencegah bahaya. Saya ingin tahu adakah orang-orang yang nampaknya layak dan boleh memberi apa-apa perintah dimaklumkan oleh Rang Undang-undang ini termasuk rakyat jelata ataupun siapa sahaja.

Juga dalam hal ini saya ingin tahu jika berlaku apa-apa hal ke atas orang-orang yang diberi perintah untuk menenggelamkan kapal atau memindahkan vesel itu adakah ianya dapat bayaran gantirugi dan sebagainya dari Lembaga berkenaan. Memang sudah ada diterangkan dalam Bahagian IX, seksyen (3) mengenai apa-apa perbelanjaan yang dilakukan pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen-kecil, (1) dan (2) boleh dituntut. Adakah dengan jaminan dalam seksyen-kecil (1) dan (2) ini juga meliputi segala gantirugi dan sebagainya kepada siapa sahaja yang terlibat ke atas perintah Pengurus Besar atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya tidak begitu memahami dalam perkataan atau istilah yang diguna dalam undang-undang seperti ini, maka saya masih meragukannya, diharaplah Yang Berhormat Timbalan Menteri sudi memberi penjelasan.

Menyentuh Fasal 79 di mana seorang Malim Lembaga itu dengan sengaja melanggar kewajipan atau cuai atau oleh sebab mabuk masa bertugas. Apabila disabitkan dikena denda tidak lebih daripada \$2,000 atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya dan boleh juga dikenakan gantung atau buang kerja oleh Lembaga.

Apa yang menjadi perhatian saya mengenai hukuman penjara itu patut ditimbang semula dengan kadar nilai \$2,000 supaya kedua hukuman itu bersesuaian.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini dan berharap Pelabuhan Bintulu itu nanti sebagai pintu membuka jalan ke arah satu lagi kemajuan di bidang ekonomi negara kita ini dan berharap juga Lembaga Pelabuhan dan

ahli-ahli yang diberi amanah itu bertugas dengan lebih bertanggungjawab lagi bagi menjayakan kehendak Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ini ditempokkan selama 20 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.55 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.14 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Haji Mohd. Din.

5.15 ptg.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon membahaskan dan menyokong Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu 1980 yang mana pada hemat saya adalah suatu langkah Kerajaan Pusat bagi menjadikan daerah Bintulu dalam Bahagian Keempat di negeri Sarawak untuk penubuhan sebuah pelabuhan yang sungguh strategik di rantau Asean.

Selaras dengan pembangunan pesat dari sumber pembangunan industri, petroleum dan gas asli di Bintulu, seperti negeri-negeri lain di negara ini Sarawak adalah tidak kurang pesatnya dalam bidang pembangunan tanah pertanian. Dengan penubuhan Pelabuhan Bintulu adalah membawa suatu langkah dalam usaha Kerajaan iaitu khasnya Kerajaan Pusat menjadikan daerah Bintulu sebagai kawasan yang menjadi perhatian dan tumpuan bagi pelabur-pelabur asing melabur dengan pesatnya di negeri Sarawak.

Suka saya menarik perhatian di Dewan yang mulia ini bahawa penubuhan Lembaga Pelabuhan Bintulu adalah merupakan sebagai usaha pembangunan Kerajaan Pusat yang akan menelan belanja berjuta-juta ringgit di samping menyediakan kelengkapan alat-alat moden, dermaga dan jeti dan juga general dry cargo serta kemudahan asas infrastructure yang diperlukan dalam penubuhan Lembaga Pelabuhan Bintulu.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan pembangunan yang pesat di daerah Bintulu, Bahagian Keempat di negeri Sarawak ini diharap Kerajaan sentiasa mengawasi akibat-akibat pertumbuhan pembangunan yang begitu pesat yang mana akan mengakibatkan kenaikan harga-harga barang keperluan sehari-hari dan kenaikan harga sewa rumah yang begitu melambung tinggi disebabkan ramainya pekerja-pekerja dari luar negeri khususnya pakar-pakar, jurutera-jurutera binaan dan pekerja-pekerja mahir yang dengan sendirinya pada masa ini berhijrah ke Bintulu, dengan pembangunan yang begitu cepat dan pesat agar penduduk tempatan tidak akan terjejas cara hidup mereka akibat punca yang boleh merosakkan ekonomi, sosial, kebudayaan dan politik penduduk tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pembangunan yang begitu pesat sekali di Bintulu adalah diharapkan Kerajaan Pusat hendaklah juga menyelaraskan bersama dengan sebuah badan yang dinamakan BDA atau Bintulu Development authority iaitu Lembaga Pembangunan Bintulu supaya setiap pembangunan dapat diselaraskan dengan lebih teratur dan kemas serta menghindarkan sebarang percanggahan dengan pihak-pihak yang tertentu khususnya Lembaga Pembangunan Bintulu yang mana Lembaga ini adalah satu-satunya Lembaga yang bertanggungjawab menyediakan berbagai kemudahan asas yang diperlukan di dalam daerah Bintulu seperti mana BDA telahpun mempunyai kawasan lebih kurang 1,180 batu persegi yang mana baru-baru ini BDA telah pun meluaskan kawasan di Bintulu hampir keseluruhan daerah itu iaitu sehingga kepada 4,574 batu persegi, tambahan ini diberi kerana keinginan BDA menyediakan perkhidmatan masa kini dan meluaskan pembangunan yang dirancang secara sistematik di kawasan tersebut.

BDA juga berharap untuk menabur secara meluas segala faedah dalam berbagai projek pembangunan dan perindustrian yang dilaksana dan dirancang di Pusat Pertumbuhan Bintulu Kindora.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1979 iaitu sebuah syarikat yang telah ditubuhkan bernama Malaysian Liquefied Natural Gas telah ditubuhkan yang akan mengendalikan gas cecair asli yang terbesar yang mana syarikat tersebut akan menelan belanja sebanyak US\$550 juta iaitu lebih kurang M\$1,100 juta.

Jadi memandangkan projek-projek gas asli cecair Malaysia ini adalah satu-satunya projek yang terbesar di negara ini dari hasil penerokaan gas dan petroleum, ini telah menaikkan daerah Bintulu dalam Bahagian Keempat di negeri Sarawak sangat-sangat memerlukan sebuah pelabuhan yang begitu lengkap serta membolehkan kapal-kapal antarabangsa masuk ke Pelabuhan Bintulu untuk membawa keluar hasil-hasil dari sumber gas dan petroleum dan lain-lain hasil pertanian daripada negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menarik perhatian di Dewan ini bahawa terdapat juga sebuah syarikat yang ditubuhkan oleh negara-negara anggota ASEAN yang diberi nama Asean Bintulu Fertiliser Sdn. Berhad yang mana syarikat baja urea ini akan membelanjakan lebih kurang \$600 juta dan jika siap ianya dijangka akan mengeluarkan kira-kira 1,500 tan baja urea pada setiap hari dan lebih kurang 1,000 tan ammonia. Memandangkan keinginan negara-negara anggota ASEAN menyertai usahasama dalam syarikat Asean Bintulu Fertiliser Sdn. Berhad adalah jelas betapa pentingnya penubuhan sebuah pelabuhan di Bintulu demi mendekatkan lagi daerah Bintulu dengan negara-negara ASEAN yang mana negara-negara tersebut akan sama-sama menikmati kemakmuran di rantau ini.

Adalah tidak syak lagi bahawa Pelabuhan Bintulu juga akan memainkan peranan yang amat penting dalam pertumbuhan ekonomi negara-negara anggota ASEAN dan akan membawa pula daerah Bintulu menjadi pusat perdagangan dan pelabuhan peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan memanjangkan ucapan saya dan seterusnya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

5.23 *ptg.*

Tuan Yap Peng: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu yang baru dibentangkan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sambil menyokong Rang Undang-undang ini saya ingin hendak memberi sedikit pandangan. Tujuan Kerajaan hendak menubuhkan Lembaga Pelabuhan Bintulu melalui Rang Undang-undang ini merupakan satu rancangan yang sangat besar yang akan memakan belanja berjuta-juta ringgit. Pelabuhan Bintulu akan memainkan peranan penting dalam meningkatkan perkembangan ekonomi negara di mana segala hasil-hasil negeri Sarawak terutama bahan-bahan minyak dan kayu-kayu akan dieksport melalui Pelabuhan Bintulu.

Setelah Pelabuhan Bintulu menjalankan operasi sepenuhnya, kegiatan-kegiatan ekonomi negeri Sarawak akan terus berkembang dengan pesat dan banyak peluang-peluang pekerjaan akan diadakan khusus bagi rakyat tempatan di Sarawak dan di samping itu banyak industri-industri akan dibuka di sekitar kawasan Bintulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit Fasal 4 (1) mengenai perlantikan ahli-ahli Lembaga Pelabuhan Bintulu. Saya harap orang-orang yang bakal dilantik untuk menjadi ahli di dalam Lembaga ini hendaklah terdiri daripada mereka yang benar-benar mempunyai kelayakan, pengalaman dan kebolehan menjalankan tugas-tugas Lembaga supaya pentadbirannya benar-benar licin dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Fasal 6 pula iaitu tugas-tugas Lembaga. Sebagai sebuah pelabuhan yang baru sudah tentu akan menghadapi berbagai masalah pentadbiran. Saya harap pihak Lembaga di samping menjalankan tugas-tugasnya hendaklah mengkaji dengan sehabis dalam dan teliti mengenai pentadbiran di pelabuhan-pelabuhan bertaraf antarabangsa dan sudah terkenal di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ada baiknya kalau dapat ahli-ahli Lembaga Pelabuhan Bintulu ini pergi sendiri ke pelabuhan-pelabuhan terkenal di dunia seperti saya sebutkan tadi untuk mempelajari dan mengetahui bagaimana pelabuhan-pelabuhan mereka diurus dan ditadbirkan.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Malaysia mempunyai banyak pelabuhan-pelabuhan seperti Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan Kelang, Pelabuhan Pasir Gudang dan sebagainya, tetapi kita tidak ada sebuah pelabuhanpun yang bertaraf antarabangsa. Jadi bagi memajukan pelabuhan-pelabuhan di negara kita terutama sekali Pelabuhan Bintulu ini, kita mesti mengkaji cara pentadbiran dan pengalaman-pengalaman berdasarkan pelabuhan-pelabuhan terkenal antarabangsa seperti yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya harap dengan penubuhan Pelabuhan Bintulu ini kelak akan mempergiatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara kita dan seterusnya akan dapat memperkenalkan nama baik Malaysia ke seluruh dunia. Sekian, terima kasih.

5.29 *ptg.*

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pengangkutan, izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ini dan semuanya telah memberi sokongan kuat kepada Rang Undang-undang ini.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat dari negeri Sarawak telah sebutkan projek pelabuhan ini akan menjadi satu faktor yang utama, akan menjadi satu catalyst untuk pembangunan ekonomi yang begitu pesat bukan sahaja di Sarawak Tengah tetapi juga di seluruh Malaysia Timur.

Yang Berhormat Senator Haji Latip bin Haji Idris dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar telah menyebutkan peranan yang perlu dimainkan dalam proses pembangunan ini oleh Bintulu Development Authority (BDA).

Kementerian Pengangkutan memang bersetuju dengan pendapat ini sebab seperti saya telah sebutkan tadi Kerajaan Pusat cuma menghadkan peranannya melaburkan peruntukan wang yang mencukupi untuk membina satu pelabuhan. Kawasan yang akan diambil alih oleh Kerajaan Pusat menjadi kawasan pelabuhan ini ialah terhad sekali. Akan tetapi wang peruntukan yang dilaburkan di kawasan ini tentu akan menjadi satu stimulus untuk pembangunan satu catalyst for growth dan Perbadanan Kemajuan Bintulu (BDA) tentulah akan memainkan peranan yang amat mustahak sekali dalam proses pembangunan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di mana-manapun kalau ada pelabuhan Persekutuan yang ditadbirkan oleh badan berkanun Lembaga Pelabuhan ini, pihak berkuasa ini biasanya bekerja rapat sekali dengan Kerajaan Negeri. Di Bintulu Lembaga Pelabuhan Bintulu apabila ditubuhkan selepas Dewan yang mulia ini meluluskan Rang Undang-undang ini bertujuan bekerjasama dengan rapat sekali dengan Kerajaan Negeri Sarawak dan saya boleh memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari negeri Sarawak bahawa Kerajaan Negeri Sarawak bukan sahaja akan diwakili dalam Lembaga Pelabuhan Bintulu ini apabila ianya ditubuhkan tetapi Kementerian sentiasa akan berunding dengan Kerajaan Negeri tentang hal ehwal pelabuhan di negeri Sarawak. Begitu juga dengan Bintulu Development Authority, memandangkan peranan yang besar yang akan dimainkan dalam proses pembangunan di negeri Sarawak ini, Kementerian pun bertujuan menjemput Bintulu Development Authority menghantar wakil kepada Lembaga Pelabuhan Bintulu ini.

Tuan Yang di-Pertua, Senator Haji Abdul Latip telah mengemukakan beberapa perkara yang agak teknikal sekali, dengan izinnya saya akan jawab satu demi satu. Beliau telah menyoal bolehkah seorang pemalim memalim kapal tidak kira jenis, tidak kira tonnage. Jawapannya adalah seperti berikut. Provision di dalam Akta ini adalah serupa dengan provision yang ada untuk Akta yang mengawal pelabuhan lain di Malaysia dan seperti biasa pemalim-pemalim akan

dilesenkan mengikut kelas kapal, mengikut tonnage kapal. Ini diperlukan untuk menjaga keselamatan perkapalan di dalam kawasan pelabuhan. Beliau pun telah menyoal tentang kelayakan pemalim, inipun serupa dengan syarat-syarat yang dikenakan di Semenanjung Malaysia. Berkenaan dengan penalti yang beliau mengatakan barangkali tidak mencukupi, jumlah penalti yang disebutkan dalam Akta ini serupa dengan jumlah yang disebutkan dalam Akta bagi pelabuhan Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, kalau perlu perkara ini akan dikaji semula dan penalti ini boleh dinaikkan kalau dianggap perlu.

Kementerian saya juga mengucapkan terima kasih kepada Senator Yap Peng yang telah menyokong Rang Undang-undang ini dengan kuatnya. Saya tentu akan memberi pertimbangan berat kepada syor Ahli Yang Berhormat itu bahawa Ahli-ahli Lembaga Pelabuhan Bintulu serta kakitangannya melawat pelabuhan-pelabuhan bertaraf antarabangsa yang efficient di negeri-negeri lain di seluruh Malaysia. Syor ini memanglah akan ditimbang sebab Kementerian memang bertujuan mengadakan satu pihak berkuasa pelabuhan yang cekap, yang efficient, yang berdedikasi supaya Kerajaan Persekutuan boleh memainkan peranan yang mustahak untuk mempercepatkan pembangunan bukan sahaja di daerah Bintulu tetapi juga di seluruh negeri Sarawak, di seluruh Malaysia Timur. Sekian, terima kasih.

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 93 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBADANAN KEMAJUAN
PELANCUNGAN MALAYSIA
(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.41 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Akta Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia, 1972" dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, perusahaan pelancungan, sebagaimana yang diketahui umum, telah diiktiraf di seluruh dunia sebagai satu kegiatan ekonomi yang boleh meninggikan mutu kehidupan manusia. Kemajuan pelancungan antarabangsa pada keseluruhannya telahpun mencapai kejayaan yang lumayan bukan sahaja dari segi bilangan kedatangan para-para pelancung bahkan juga dari jumlah pertukaran matawang asing yang diperolehi. Walaupun telah timbul pada waktu-waktu kebelakangan ini krisis tenaga dan keadaan inflasi yang meningkat, keadaan perusahaan ini pada keseluruhannya masih boleh menunjukkan perkembangan yang sihat. Negara kita juga turut mendapat faedah dari perusahaan ini.

Dalam usaha memestikan lagi kemajuan perusahaan pelancungan di negara ini Kerajaan telahpun menubuhkan Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia (T.D.C.) sejak bulan Ogos, 1972. Perbadanan ini ditubuhkan dengan tujuan supaya

pembangunan pelancungan berjalan dengan pesat dan teratur supaya negara ini dapat diperkenalkan di seluruh dunia sebagai satu destinasi pelancungan yang menarik.

Perusahaan pelancungan di Malaysia sekarang telahpun mencapai ke suatu peringkat kejayaan yang sungguh menggalakkan. Justru ini dan untuk menjamin agar kemajuan perusahaan tersebut terus berkembang dengan sihat dan bermutu maka adalah didapati perlu pindaan-pindaan yang sesuai dibuat terhadap Akta Perbadanan Kemajuan Malaysia, 1972 bagi membolehkan Perbadanan mempunyai bidang kuasa yang mencukupi untuk memimpin, mengawal serta mengatur kesemua perkhidmatan di bidang pelancungan. Langkah ini adalah bertujuan menentukan terdapatnya perkhidmatan yang benar-benar cekap dan bermutu tinggi di dalam perusahaan pelancungan dan bagi memperkemaskan lagi perusahaan tersebut supaya ianya benar-benar dapat memainkan peranan yang lebih positif serta memberikan sumbangan kepada pembangunan ekonomi negara dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya menerangkan tujuan diadakan fasal-fasal baru dalam Rang Undang-undang ini.

Akta Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia, 1972 yang berupa undang-undang yang sedia ada sekarang bagi mengawal dan menyelaraskan kesemua aktiviti di dalam perusahaan pelancungan telah didapati tidak mencukupi untuk membolehkan Perbadanan melaksanakan dengan secara yang lebih berkesan tanggungjawabnya dan objektif Kerajaan. Pindaan-pindaan kepada Akta tersebut sebagaimana yang disyorkan adalah bertujuan bagi mengatasi masalah ini dengan cara menyediakan kuasa-kuasa tambahan kepada Perbadanan bagi menyediakan perusahaan tersebut disamping memperkukuhkan jentera pentadbirannya.

Di bawah Fasal 3 untuk memperkukuhkan pentadbirannya, Perbadanan telah pun diberi kelulusan bagi melantik dengan persetujuan Menteri, dua orang Timbalan Ketua Pengarah yang bertanggungjawab sepenuhnya kepada Ketua Eksekutif Perbadanan di dalam semua

hal berkaitan dengan dasar perancangan serta pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan kemajuan perusahaan pelancungan. Akta Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia yang ada sekarang tidak mempunyai peruntukan mengenai perlantikan tersebut dan pindaan yang disyorkan ini adalah bagi mengemaskinikan Akta yang sama.

Di bawah Fasal 4 peruntukan-peruntukan adalah bertujuan mengadakan cara bagi menjalankan pemeriksaan untuk mendapatkan kenyataan daripada orang-orang yang tertentu dan membolehkan kenyataan itu diterima oleh mahkamah. Akta Perbadanan yang ada sekarang tidak mengandungi cara seperti ini serta kesalahan dan hukuman yang patut dikenakan ke atas sesiapa yang enggan memberi maklumat sungguhpun permintaan itu menasabah dan tidak membenarkan pegawai-pegawai yang bertauliah masuk ke sesuatu tempat atau melakukan sesuatu ke atas diri pegawai-pegawai tersebut. Ketiadaan ini menyulitkan pegawai-pegawai berkenaan menjalankan tugas mereka pada masa-masa dan tempat-tempat yang diperlukan dan tujuan pindaan-pindaan di Fasal 4 ialah untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan ini.

Di bawah Fasal 5 iaitu berkenaan dengan peruntukan bagi penubuhan Kumpulanwang Am, tujuan diadakan Kumpulanwang Am ini ialah seperti berikut:

- (a) untuk membolehkan Lembaga menghendaki orang-orang yang menjalankan sesuatu enterprise pelancungan berdaftar membayar carum-carum kepada Kumpulanwang Am itu dan memberi wang cagaran selanjutnya yang dikehendaki oleh Lembaga; dan
- (b) untuk membolehkan Lembaga membayar pampasan daripada Kumpulanwang Am itu kepada orang-orang yang mengalami kerugian akibat dari perbuatan curang oleh enterprise Pelancungan berdaftar.

Sukacita saya menyatakan di sini bahawa peruntukan yang sedemikian adalah diperlukan kerana Akta Perbadanan Kemajuan Pelancungan yang sedia ada tidak memberi

kuasa kepada Perbadanan untuk menerima sumbangan atau mengenakan cagaran keselamatan dari mana-mana pihak tertentu. Ketiadaan ini akan menyebabkan Peraturan Pendaftaran dan Pengawalan Agensi-agensi Pelancungan yang hendak diadakan sepertimana yang dibenarkan di bawah Akta Perbadanan ini, tidak berkesan untuk membantu pelancung-pelancung yang mendapat kesusahan kerana keadaan-keadaan di luar dugaan agensi-agensi pelancungan. Selain daripada ini peraturan-peraturan yang akan dilaksanakan oleh Perbadanan ini jika tiada mempunyai syarat mengenai sumbangan dan kenaan cagaran keselamatan sudah tentu tidak akan dapat mematahkan percubaan oleh setengah-setengah agensi-agensi pelancungan yang sengaja memberi maklumat yang salah atau tidak memenuhi janji malah ada yang terang-terang menipu orang ramai dan lain-lain perbuatan curang. Kesemua kegiatan sedemikian secara langsung atau tidak langsung telah menjejaskan imej baik industri pelancungan negara kita. Oleh sebab itu, peruntukan-peruntukan mengenai penubuhan Kumpulanwang Am serta pembayarannya adalah perlu.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 6 bertujuan mengeluarkan perkara-perkara mengenai "cagaran" dan "ramasan" kerana ini telah dimasukkan di bawah Fasal 5. Walau bagaimanapun kuasa Menteri membuat Peraturan-peraturan di bawah seksyen kecil ini masih dikekalkan. Dengan dikeluarkan perkara-perkara tersebut pindaan-pindaan lain yang dibuat ke atas Akta ini adalah lebih kemas.

Fasal 7 adalah bertujuan membolehkan Lembaga bertindak terhadap mana-mana enterprise pelancungan berdaftar yang tidak mematuhi apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan semasa pendaftaran dan untuk mengadakan peruntukan mengenai rayuan-rayuan dibuat sekiranya berlaku sesuatu pembatalan pendaftaran. Fasal ini juga menggariskan cara-cara yang perlu dipatuhi oleh Lembaga untuk membatalkan sesuatu pendaftaran dan memberi kesempatan kepada pihak yang terlibat untuk merayu kepada Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 8 adalah perlu untuk menentukan seseorang yang memegang jawatan penting dan/atau kanan dalam syarikat-syarikat pelancungan benar-benar bertanggungjawab terhadap perniagaannya. Memandangkan perbuatan curang seperti "fly-by-night operator" yang sering berlaku dalam industri pelancungan terutamanya dalam agensi-agensi pelancung, di mana sesuatu syarikat dengan cepat dibubar dan orang-orang yang sama dengan cepatnya menubuhkan satu lagi syarikat yang baru, peruntukan ini perlu untuk mencegah kegiatan seperti ini.

Sejajar dengan langkah untuk memimpin, mengawal serta mengatur berbagai-bagai perkhidmatan pelancungan, maka adalah didapati perlu bagi peruntukan-peruntukan baru disediakan di dalam Akta Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia 1972. Dengan kelulusan pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah diharapkan industri pelancungan di negara ini akan berkembang dengan lebih licin dan teratur lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ini ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia 1972, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Datuk Seri Haji Hussein.

5.53 ptg.

Datuk Seri Haji Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia 1972.

Kemajuan yang dicapai dalam bidang perusahaan kemajuan pelancungan ini adalah baik. Sebabnya ialah kita dapati ramai pelancung daripada luar negeri datang ke negara kita semakin bertambah pada tiap-tiap

tahun. Hasil (revenue) yang didapati daripada perusahaan ini meningkat tiap-tiap tahun. Dan juga usaha TDC untuk menggalakkan rakyat dalam negeri ini melawat sebagai melancung di dalam negeri telahpun disambut dengan baik apabila TDC telah mengadakan programnya untuk menarik ramai lagi orang-orang dalam negeri melawat tiap-tiap negeri melalui TV dan juga risalah-risalah yang diberikan kepada orang ramai. Dengan adanya undang-undang ini, yang sepatutnya diadakan dahulu lagi, maka ini akan memberi satu peraturan yang baharu untuk enterprise pelancungan yang dahulunya kita dapati beberapa kes telah berjalan iaitu berkenaan dengan penipuan.

Apa yang saya hendak syorkan kepada pihak Kementerian ini ialah berkenaan dengan iklan. Satu-satu iklan yang hendak dipelawa secara package deal kepada orang ramai, iklan ini sebelum disiarkan di dalam akhbar-akhbar mestilah mendapat kelulusan daripada TDC. Ini ada juga berkenaan iklan-iklan yang kita rujuk kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang dapat dikeluarkan atau yang tidak dapat dikeluarkan. Sebab di dalam package deal yang memberi tawaran kepada seseorang yang hendak melancung ialah jika tengok sekali imbas adalah menarik. Apabila kita keluar daripada negeri kita pergi ke tempat yang hendak melancung, baharulah kita dapati beberapa kesukaran telah menimpa kepada kita, itu yang pertama.

Yang kedua, berkenaan dengan co-ordination iaitu antara TDC Pusat dengan Perbadanan Kemajuan Pelancungan di tiap-tiap negeri. Kita dapati hari ini tempat-tempat yang menarik kepada pelancung yang datang daripada negeri-negeri dikhaskan kepada satu, dua, tiga tempat sahaja, misalnya di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan juga Pantai Timur bukan seluruh Pantai Timur tetapi yang ada satu-satu yang menarik iaitu berkenaan dengan Mediterranean Club. Jadi walhasilnya kita tahu dalam negara kita ini ada beberapa iklan alam semula jadi iaitu banyak tempat-tempat yang boleh menarik pelancung daripada luar negeri atau di dalam negeri. Misalnya di negeri saya, Perak, saya dengan Kerajaan Perak bercakap hendak buat multi-projek di Pulau Lumut yang mana hendak dijadikan satu pusat pelancungan yang

mempunyai beberapa keindahan, tetapi mana bendanya itu. Adakah salah dipihak Perbadanan Kemajuan Pelancungan Negeri Perak—State Authority atau tidak ada co-ordination di antara TDC Pusat dengan TDC Perak. TDC Pusat ini boleh memberi segala expertise yang dikehendaki oleh negeri-negeri yang semacam ini atau advisory capacity, ada co-ordination. Jadi, jikalau kita berikan—kita lantik Timbalan-timbalan Pengarah, saya percaya akan dihantar keluar negeri tetapi dalam negeri cuma ada Pengarah Besar atau Perengerusi sahaja.

Sepatutnya Timbalan-timbalan Pengarah ini diadakan di tiap-tiap negeri di negeri kita ini. Jikalau tidak boleh disebabkan banyak negeri iaitu 13 buah negeri, kita bagi kepada regional utara, tengah, selatan dan pantai timur.

Dengan cara ini akan lebih banyak mencari sumber-sumber, mencari bahan-bahan dan tempat-tempat yang akan menarik para pelancung bukan sahaja dalam negeri tetapi di luar negeri. Kita tahu negeri Johor adalah satu negeri yang progresif, ada satu badan yang berusaha untuk menarik pelancung-pelancung daripada Singapura dan juga di dalam negeri. Badan ini kita nampak cukup aktif. Tetapi negeri-negeri lain macam negeri saya apa salahnya Fraser's Hill yang begitu masyhur sampai sekarang tidak hendak dibaiki melainkan Cameron Highlands yang setengah daripadanya kepunyaan negeri Pahang. Jadi kita tumpukan kepada pelancung-pelancung di luar negeri ke Pulau Pinang sahaja sebab Pulau Pinang adalah satu pantai yang bersih, pantai yang indah tetapi bagaimana pelancung-pelancung ini hendak tahu berkenaan selok-belok dan hal ehwal di dalam negeri kita, sama ada kita ini maju atau mundur, sama ada kita ini membangun atau belum membangun sebab mereka itu datang daripada Singapura pergi ke Pulau Pinang, daripada Bangkok pergi ke Pulau Pinang, daripada Kuala Lumpur pergi ke Pulau Pinang, jadi masa mereka habis berihat di situ dan balik ke negeri masing-masing tidak sempat menjelajah seluruh Malaysia. Dia tengok Malaysia ialah Pulau Pinang sahaja. Kita patut decentralise, jangan centralise sahaja walhasilnya di Pantai Timur lagi cantik

pantainya, lagi cantik airnya, lagi cantik tempatnya, lagi cantik pandangannya begitu juga di negeri-negeri lain.

Jadi perusahaan bijih timah, kelapa sawit, keluaran negara ini yang termasyhur tidak diketahui oleh mereka. Jikalau kita tanya kepada pelancung (tourist) yang datang dari luar negeri adakah dia tengok bagaimana bijih timah dikeluarkan, macam mana palm oil, rupa bijinya macam mana, mereka tak tahu. Dia cuma pergi ke Pulau Pinang dia tengok pantainya elok, 24 jam duduk dalam air, cukup masa—balik, buat sedikit beli-belah—balik. Perkara ini benar, tak boleh dinafikan sebab tiap-tiap negeri hendak ambil hasil daripada pelancung yang datang ke negeri kita, lainlah jika negeri kita ini Hawaii, tidak ada lain melainkan untuk berihat, untuk bersuka ria sahaja, tetapi kita di sini negeri yang boleh dikatakan bertamaddun, kemajuan, pusat yang berkembang di atas segala segi.

Saya hendak syorkan satu perkara. Saya dapat duduk di transit di Subang Airport kerana kapal terbang saya lewat 4 jam, jadi jangan passenger itu duduk di passenger lounge, di hantar ke transit. Apa kita tengok? Gambar sahaja iaitu Gambar Masjid Negara. Di negeri orang lain walaupun kita pergi ke Bombay, dalam transit itu 24 hours berjalan filem menunjukkan "India Today". Sekarang kita hendak besarkan Subang Airport, transit hendaklah dibesarkan, orang yang datang melancung tengok, dia tidak singgah tetapi dia boleh tengok sekali imbas iaitu keyakinan, kebangsaan Malaysia—"This is Malaysia Today" atau "Malaysia Kita" tunjuk kepada pelancung luar negeri supaya mereka itu ingin hendak datang ke negeri kita.

Saya cukup tertarik apa yang diterangkan oleh Timbalan Menteri ini berkenaan dengan peraturan tetap mengenai perusahaan enterprise pelancungan ini sebab apa yang saya cakapkan tadi banyak penipuan telah terjadi berkenaan dengan perkara ini. Berkenaan dengan deposit atau wang cagaran itu mestilah munasabah sebab kita tidak mahu apabila TDC ini membayar balik tidak cukup deposit kepada orang yang membuat syarikat

pelancungan. Tempat ini juga akan menjadi tempat pengaduan kepada orang-orang yang telah melancung dengan satu-satu syarikat dan aduan itu mestilah diambil tindakan segera.

Lagi satu kita lihat kebaikan perkhidmatan. Kebanyakan syarikat-syarikat enterprise yang membuat perusahaan pelancungan ini ialah syarikat yang kita tidak tahu adakah ianya mempunyai modal (capital) yang banyak ataupun tidak tetapi dalam undang-undang ini kena nyatakan berapa banyak modalnya. Macam kita hendak buat rumah, hendak jadi developer, kita mesti ada \$250,000 sebagai qualification hendak menjadi developer membuat rumah murah kepada bumiputra. Tetapi saya rasa hairan mengapa agensi bumiputra atau syarikat berkenaan dengan usaha pelancungan ini adalah berkurangan, satu buka satu jatuh, satu buka satu tutup, di mana kesilapannya?

Saya minta TDC menyelidik atau menyiasat mengapa ramai bumiputra yang buka syarikat pelancungan atau agensi tiket kapal terbang begitu merosot sekali. Dahulunya banyak tetapi sekarang satu hilang, satu hilang, mengapa? Adakah sebab dimonopoli oleh satu-satu syarikat yang lain atau adakah sebabnya kurang modal, ini kita mesti pandang. Jadi jikalau begitu nanti satu hari kita soal dalam Dewan ini kepada Yang Berhormat Menteri berapa peratus bumiputra telah ada dalam perusahaan (enterprise) pelancungan, adakah 30%? Tentu Menteri ini kata belum sampai. Jadi kenapa tahun 1990 besok tidak cukup, ini kita soal balik. Sebab saya tahu banyak buku ada mengatakan iaitu hari ini banyak bumiputra telah terlibat di dalam Syarikat-syarikat Pelancungan atau jadi agen jual tiket kapal terbang. Itu lain.

Berbalik kepada perkhidmatan yang kita dapat, jikalau kita hendak melancung sebagai pelancung dalam negeri atau luar negeri tetapi kita tengok apabila hendak melancung di dalam negeri yang banyak kita dapat adalah ekspres bas pelancung. Itu bukan bas pelancung. Bas pelancung ini adalah khas iaitu ada tulisannya tetapi janganlah sampai bas sekolah atau bas kilang jadi bas pelancung dan setengah-setengah bas yang ada di tempatan ini seperti kenderaan yang ada di sini menjadikan bas pelancung.

TDC kita mesti diwajibkan, mesti membuat ruling supaya bas yang menjadi bas pelancung ini dicukupi dengan alat-alat moden seperti adakan hawa dingin, mesti adakan air untuk minum, mesti adakan refrigerator untuk minuman-minuman ringan dan juga mesti ada bilik buang air kecil seperti di Amerika dan juga di Thailand.

Jikalau kita tengok bas pelancung, dibandingkan antara Malaysia dengan Thailand, Thailand lebih baik gaya basnya. Ini adalah mustahak walaupun untuk mengambil international tourists ataupun untuk melancung ke Malaysia digunakan bas yang baik seperti yang pergi ke Amerika digunakan Greyhound. Standard ini kita mesti ada. Jika tidak mengapa diberi certificate, diberi kebenaran dia membuka satu perusahaan sebab perusahaan pelancungan ini saya percaya bukannya rugi jikalau dijalankan dengan begitu baik. Ini adalah satu hasil yang baik, ada negeri-negeri yang kaya iaitu berusaha dengan pelancungan itu sahaja seperti di Amerika, di negeri Jepun dan juga hari ini di Taiwan. Tetapi keadaan kita mesti baik. Jikalau keadaan kita tidak baik tentulah imej kita di antarabangsa jatuh sebab orang yang datang ini kita beri third class hotel dia tidak mahu, second class hotel dia tidak mahu, dia mahu first class hotel. Tetapi dalam Malaysia pada hari ini dengan ada usaha serta kerjasama daripada private sector kita tengok hotel-hotel yang mempunyai standard lebih daripada international pun ada di Malaysia ini. Ini adalah baik tetapi keadaan yang lain patut juga kita memperbaiki supaya imej ini akan dikenang balik oleh pelancung-pelancung bila mereka balik ke luar negeri.

Malaysia yang penuh dengan kebudayaan asli hendaklah diperkenalkan kepada pelancung tetapi dalam Kuala Lumpur ini hanya berapa restoran yang diauthorised oleh TDC supaya pelawat-pelawat ini ikut dalam brochure pergi ke tempat-tempat yang diadakan tarian-tarian kebudayaan, hendak tengok kebudayaan asli di Malaysia ini. Cuma terdapat dua atau tiga iaitu di Hilton, di sebuah restoran dibuat ini atau di Petaling Jaya yang mana sebuah motel digunakan. Sama ada tempat-tempat lain mengadakan pertunjukan-pertunjukan ini atau tidak, saya tidaklah tahu, tetapi kita tidak mahu

kebudayaan yang ditunjukkan pada pelancung-pelancung ini kebudayaan tipu. Adakah orang Melayu sekarang ini menyembah dewi-dewi? Dengan cara begitu, kita sudah menampakkan kepada pelancung-pelancung ini yang kita bukan orang Islam lagi iaitu ada di antara orang Islam menyembah dewi-dewi. Patutlah satu peraturan dikenakan kepada restoran-restoran yang mesti masuk di dalam TDC dan tugas TDC.

Kedua menari, macam menari Kelantan—Wau Bulan, boleh dicampuradukkan dengan menari di sebelah sini pula. Jikalau joget, jogetlah, jikalau wau bulan, wau bulan, jikalau menari orang tengok tidaklah dicampuradukkan. Ini imej kita dapat, orang Melayu ini sekarang ada juga yang menari macam ini.

Kita sekarang di Kelantan atau di mana-mana sahaja untuk hendak puja-puja sudah kurang. Puja-puja padi masak sudah kurang. Ini kita mesti tengok. Jadi di samping kita hendak tunjukkan kepada pelancung-pelancung tentang kebudayaan kita masa itulah kita sahaja ambil. Tetapi charge hendak tengok tarian kebudayaan ini bukan main-main, bukannya \$20 cover charge. Hampir setengah daripada bill makan ialah cover charge. Kalau kita hendak tengok kebudayaan pada hal hasilnya orang yang tidak tahu kebudayaan, yang tahu menari diambil. Tetapi saya suka supaya TDC ini menggalakkan lagi kepada restoran-restoran yang ada dalam brochure iaitu program TDC, tempat di mana hendak makan, tempat di mana hendak tengok kebudayaan dapat pemandu-pemandu pelancung atau ketua-ketua kompeni bawa ke tempat ini.

Satu hari saya ada seorang tetamu dari New Zealand. Saya pergi ke salah sebuah restoran hendak makan Melayu. Dia makan, hendak makan makanan Melayu. Dia makan, balik. Saya tanya mengapa? Dia kata sakit perut. Janganlah masa malam pelancung hendak datang, malam itu hendak berikan sambal belacan juga. Jadi orang New Zealand ini bila dia balik ke negerinya berkata ia makan makanan Malaysia: "I had a stomach ache after I had eaten at such and such a restaurant in Kuala Lumpur."

Nampaknya makanan di Kuala Lumpur adalah kotor, wal hasil dia tak biasa makan cabai. This is an example yang saya suka hendak menarik perhatian supaya imej kita tidak terjejas, sebab kita sekarang bangga negara kita terkenal di seluruh dunia sebagai sebuah negara yang indah, yang cantik, yang makmur dan penduduk yang ada di dalam negeri ini sopan-santun, pandai berbahasa Inggeris dan lain-lain. Ini impression daripada pelancung luar negeri.

Saya menyokong Bil ini tetapi berharap Bil yang kita akan luluskan ini diberi kuasa yang cukup kepada TDC (Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia) membaiki lagi yang mana kita telah dapati tersilap dahulu.

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin: Puan Rahmah binti Othman.

6.21 ptg.

Puan Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia 1972.

Saya mengambil bahagian seolah-olah dalam pertengahan Akta ini hendak dilaksanakan kerana semenjak Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia ditubuhkan pada tahun 1972, rasa saya pindaan kepada Akta ini mungkin agak barulah kali ini didatangkan dan oleh kerana itu agak sukarlah bagi kita semua untuk memahami sebenarnya Akta itu kerana pindaan ini datang tanpa memberi sedikit Akta itu, sebab itu dalam masa kita bersidang pada hari ini banyak Ahli-ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa usaha-usaha perlu diadakan supaya dalam masa kita meminda sesuatu Akta itu patut juga diadakan potongan Akta itu sebelum mendatangkan pindaan seperti ini supaya dapat kita semua mengkaji dengan sedalam-dalamnya dan membuat perbandingan dalam usaha Kementerian-kementerian untuk mendatangkan pindaan seperti ini supaya dapat kita semua mengkaji dengan sedalam-dalamnya dan membuat perbandingan dalam usaha Kementerian-kementerian untuk mendatangkan pindaan-pindaan kepada Akta-akta.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya pergi kepada industri pelancungan ini di luar negeri, biarlah kita berbincang dahulu berkenaan dengan pelancungan itu di dalam negeri kita sendiri. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia yang telah dapat berjaya menambahkan bilangan pelancung-pelancung yang datang ke negara ini. Jika kita lihat dalam masa ditubuhkan TDC ini dalam tahun 1972 jumlah para pelancung yang datang ke Malaysia lebih kurang 725,000 tetapi dalam tahun 1979 sudah meningkat kepada 1.4 juta. Ini menunjukkan bahawa usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak TDC selama ini adalah baik dan disambut baik oleh bukan sahaja masyarakat di dalam negeri ini tetapi juga di luar negeri. Di samping itu pula pendapatan foreign exchange kita pun bertambah dan ini amatlah menggalakkan kerana pada pendapat saya ini adalah satu objektif kita tubuhkan TDC dahulu iaitu di samping kita menggalakkan orang luar datang melihat negara kita ini, kita juga dapat memberi peluang kepada rakyat di negara ini untuk menambah dan meningkatkan mutu kehidupan mereka sehari-hari.

Tuan Yang di-Pertua, banyak orang berpendapat atau satu golongan masyarakat menyatakan bahawa pelancungan itu membawa keuntungan dan memberikan satu kesan yang baik kepada pembangunan negara. Tetapi ada juga satu golongan masyarakat yang mengatakan bahawa pelancungan itu akan menghancurkan kebudayaan kita dan juga masyarakat di negara ini kerana maklumlah dengan kedatangan orang luar negeri ke negara ini mungkin berbagai 'side effect'nya yang dapat diberikan makna oleh golongan yang tertentu itu. Walau apapun, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa inilah satu usaha yang baik bagi Kerajaan supaya dapat mengenalkan Kerajaan kita kepada negara luar dan juga yang lebih penting sekali ialah rakyat di negara ini perlu tahu di samping media-media lain juga melalui Perbadanan ini dapat rakyat di negara ini sampai ke tempat-tempat yang mereka tidak fikir boleh sampai dengan cara sendiri. Maka

dengan demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan pentadbiran Perbadanan ini. Jika kita semua lihat di dalam Laporan TDC yang dikemukakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini amatlah mengecewakan. Oleh kerana datang pindaan Akta ini, saya sangat-sangat tertarik hati kepada Fasal 3. 7A yang berbunyi:

“Ketua Pengarah, Timbalan-timbalan Ketua Pengarah dan Pengarah-pengarah hendaklah bertanggungjawab atas pentadbiran dan pengurusan hari ke hari hal ehwal Perbadanan dan hendaklah menjalankan apa-apa kewajipan dan kuasa yang di amanah atau diwakilkan oleh Lembaga atau Pengerusi Lembaga apabila bertindak bagi pihak Lembaga”.

Alangkah kita berasa dukacita, Tuan Yang di-Pertua, melihatkan mismanagement yang berlaku di dalam Perbadanan itu walaupun Laporan ini Laporan Tahunan 1976 yang siap diaudit pada tahun 1979 menunjukkan bahawa perkara ini tidak selesai, maka seolah-olah gambaran yang kita lihat pada hari ini pegawai-pegawai TDC tidak menjalankan tugas masing-masing seperti mana yang dikehendaki oleh Akta ini. Misalnya cuba kita lihat satu peristiwa kehilangan tiket-tiket di Bukit Nenas dan juga di Batu Caves. Kalau inilah caranya kita hendak menjalankan satu Perbadanan yang besar yang akan membawa keuntungan kepada negara, jika pegawai telah dilantik tidak beramanah, maka kita Wakil-wakil Rakyat, Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini akan menghadapi rakyat seluruhnya untuk memberikan jawapan kerana dengan penubuhan Perbadanan ini adalah melibatkan kewangan rakyat di negara ini.....

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin: Yang Berhormat boleh sambung esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 9hb Januari, 1981.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.